

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF
Universiti Teknologi MARA
(KIK UiTM 3.1)**

Keluaran 01; Pindaan 01; Tarikh 15/01/2020

*Rasdi Deraman
Husaini Ab. Razab
Darus Kassim
Prof. Madya Dr Thuraiya Mohd
Shamsol Hj. Shafie
Haji Anuar Hashim
Zulkifli Aswan
Safari Mohd Nordin
Mohd Hasni Hussin
Mohd Risham Jaafar
Dr Syed Yusainee
Suhaihisam Mohd Saufi
Suria Kamis
Norme Saleh
Suhaimie Sidek
Hairina Ahmad Bakri
Dr Aida Firdaus Muhammad Nurul Azmi
Dr. Nik Azlin Nik Ariffin
Ts. Dr Norhafezah Kasmuri
Dr Nor Hanisah Mohd Hashim*

GARIS PANDUAN KIK UiTM 3.0

Keluaran 01; Pindaan 01; Tarikh 15/01/2020

Susunan Jawatankuasa Penggubal Panduan KIK UiTM 2017 dan diluluskan oleh Majlis Kualiti Universiti (MKU) dalam mesyuaratnya yang **ke 00 pada 00/00/2017**.

Dokumen Asal Disediakan oleh: Bahagian Pengurusan Kualiti, Pejabat Pendaftar merangkap Urusetia KIK UiTM pada 2010 dan kemudian disusun semula oleh Ketua Inovatif dan Kreatif InQKA pada 10/7/2014.

Penyelesaian Pertikaian

Sekiranya ada pertikaian mengenai mana-mana garis panduan ini, ianya akan diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu KIK atau Mesyuarat Khas yang ahli-ahlinya ditentukan oleh pihak InQKA.

©Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) UiTM 2019

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

ISBN

1. Garis Panduan Pelaksanaan KIK UiTM 3.0

Reka bentuk kulit :
Konsep buku :
Diaturhuruf oleh :
Rupa taip teks : Century Gothic, Times New Roman, Berlin Sans FB Demi
Saiz taip teks : 10/26
Ilustrasi :
Rekabentuk dalaman :

Dicetak di Malaysia oleh : Penerbit UiTM

Kata Alu-aluan



Assalamualaikum Wbkt,

Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah SWT dan syabas kepada pihak InQKA kerana dapat menghasilkan Garis Panduan Pelaksanaan KIK 3.0 ini.

Penghasilan garis panduan ini adalah selaras dengan dasar inovasi dan kreativiti UiTM iaitu; "UiTM komited membudaya dan menguruskan inovasi dan kreativiti secara profesional bagi melahirkan warga yang dinamik dan progresif dalam meningkatkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan melalui penambahbaikan berterusan ke arah universiti tersohor".

Justeru itu, saya yakin usaha-usaha pemerkasaan inovasi yang menjadi fokus dalam menjayakan Garis Panduan Pelaksanaan KIK 3.0 akan merealisasikan dasar tersebut. Malah sebagai wadah bagi warga UiTM untuk menjayakan transformasi UiTM.

Pernah saya ungkapkan bahawa, "*business as usual will almost certainly no longer be good enough*" oleh itu wajar diupayakan bakat warga secara optimum dalam membudaya dan menghasilkan inovasi sama ada inovasi sosial, inovasi pengurusan atau inovasi pengajaran dan pembelajaran yang berimpak tinggi demi mencapai kecemerlangan penyampaian perkhidmatan UiTM terutama dalam menghadapi *Industrial Revolution (IR)4.0*.

Akhir kata, amat wajar garis panduan pelaksanaan KIK 3.0 ini dijadikan rujukan oleh warga UiTM.

Sekian, selamat berinovasi...

**YBHG. PROF EMERITUS DATO' DR HASSAN SAID
NAIB CANSELOR UiTM**



"I would say, "business as usual will almost certainly no longer be good enough" and therefore, "we should innovate for high impact outcomes or else we would fall behind".

Inovasi akan terus menjadi matlamat transformasi UiTM.

Amanat Tahun Baharu 2017 Naib Canselor UiTM

Penghargaan



Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, "Garis Panduan Pelaksanaan KIK UiTM 3.0" dapat dilaksanakan dengan jayanya. Saya mengucapkan sekalung tahniah kepada Ketua dan Koordinator Inovasi dan Kreativiti, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Pakar Rujuk KIK UiTM, penyelar-senyelar KIK UiTM serta seluruh sekretariat KIK, InQKA atas kerjasama dan sokongan dalam merealisasikan penerbitan garis panduan pelaksanaan ini.

Unit Inovasi dan Kreativiti, InQKA komited menjalankan pelbagai program bagi memastikan pembudayaan inovasi di UiTM dapat berjalan dengan lancar. Mengambil kira perkembangan KIK yang berkembang pesat, InQKA berusaha menghasilkan Garis Panduan Pelaksanaan KIK UiTM 3.0 selari dengan keperluan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016, "Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif".

Sokongan daripada seluruh warga UiTM merujuk dan menghasilkan projek berpanduan Garis Panduan Pelaksanaan KIK UiTM 3.0 ini diharapkan dapat mencapai matlamat melestarikan inovasi di tempat kerja. Tahniah dan syabas sekali lagi diucapkan kepada mereka yang bertungkus lumus secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan garis panduan ini.

Akhir kata, saya berharap agar garis panduan pelaksanaan ini dapat dimanfaatkan oleh seluruh warga UiTM dalam memastikan ekosistem tempat kerja yang lebih baik dan cemerlang.

Sekian, terima kasih.

PROF DR HAJAH ROZIAH JANOR
PENOLONG NAIB CANSOLOR, InQKA UiTM

KANDUNGAN

| | | |
|--------------|--|----|
| Tujuan | 9 | |
| Takrifan | 10 | |
| BAB 1 | PENGENALAN | |
| 1.1 | Latar Belakang | 11 |
| 1.2 | KIK UiTM 3.0 | 12 |
| 1.3 | Dasar Inovasi Dan Kreativiti | 13 |
| 1.4 | Konsep Inovasi Dan Kreativiti | 13 |
| 1.5 | Matlamat Dan Objektif KIK UiTM 3.0 | 14 |
| | 1.5.1 Pengurusan KIK UiTM 3.0 | 15 |
| | 1.5.2 Pengurus KIK UiTM | 16 |
| | 1.5.3 Pemboleh Daya Pembangunan KIK UiTM 3.0 | 18 |
| 1.6 | Kalendar Aktiviti Inovasi Dan Kreativiti | 20 |
| BAB 2 | PELAKSANAAN AKTIVITI KIK UiTM 3.0 | |
| 2.1 | Fasa Penghasilan Projek | 21 |
| | 2.1.1 Pembentukan Kumpulan | 22 |
| | 2.1.2 Pemilihan dan Analisis Awal Projek | 24 |
| | 2.1.3 Jangkaan <i>Outcome</i> dan Impak Projek | 28 |
| | 2.1.4 Jangkaan Bidang Inovasi dan Kategori Inovasi | 30 |
| | 2.1.5 Analisis Punca dan Cadangan Penyelesaian/ Penambahbaikan Projek | 34 |
| | 2.1.6 Ujicuba Cadangan Inovasi | 37 |
| | 2.1.7 Penggunaan Hasil Projek Di Jabatan | 38 |
| 2.2 | Fasa Pengiktirafan Projek | 37 |
| | 2.2.1 Pelaporan Projek | 39 |
| | 2.2.2 Persembahan Pengurusan | 39 |
| | 2.2.3 Penyertaan Program Pengiktirafan Dalam | 39 |
| | 2.2.4 Pelindungan Harta Intelek Hasil Projek | 40 |
| 2.3 | Fasa Pengembangan Projek | 41 |
| | 2.3.1 Penyeragaman Hasil Projek | 41 |
| | 2.3.2 Latihan dan Promosi Hasil Projek | 41 |
| | 2.3.3 Replikasi Hasil Projek | 42 |
| | 2.3.4 Pengkomersialan Hasil Projek | 43 |
| BAB 3 | SISTEM SOKONGAN KIK UiTM 3.0 | |
| 3.1 | Pembangunan Pakar Rujuk KIK UiTM | 45 |
| 3.2 | Pelindungan Harta Intelek | 45 |
| 3.3 | Repositori Inovasi KIK | 48 |

LAMPIRAN

RUJUKAN

TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi penjelasan berhubung KIK UiTM 3.0 iaitu membudayakan dan memperkasa inovasi melalui pelaksanaan KIK di UiTM. Ia merupakan penambahbaikan bagi menggantikan Garis Panduan Pelaksanaan KIK UiTM 2010 dan Garis Panduan Pengurusan KIK UiTM Keluaran 01; Pindaan 06; Tarikh 10/7/2014.

Penambahbaikan ini dikeluarkan selaras dengan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2016, Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif yang diterbitkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bertarikh 30 Ogos 2016.

TAKRIFAN

Takrifan yang akan diguna pakai dalam garis panduan ini adalah seperti yang berikut:

UiTM merujuk kepada pengurusan dan seluruh warga UiTM.

Warga UiTM merujuk kepada kakitangan dan pelajar UiTM.

KIK merujuk kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif yang dibentuk oleh kakitangan dan/atau pelajar atau secara hybrid dan didaftarkan di UiTM untuk melaksanakan projek KIK secara kreatif dan inovatif.

KIK UiTM 3.0 merujuk kepada pelaksanaan KIK di UiTM yang menggabungkan kriteria KIK/ICC MPC dan konsep horizon baru KIK MAMPU bagi pembudayaan dan pemerkasaan inovasi melalui KIK untuk kecemerlangan perkhidmatan UiTM

MPC merujuk kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia

MAMPU merujuk kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

Agensi Kerajaan merujuk kepada agensi Kerajaan yang terdiri daripada Kementerian, Jabatan Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Industri merujuk kepada *Government Link Company (GLC)*, GILC, industri milik kerajaan, industri milik swasta, dan industri milik persendirian.

JURIM merujuk kepada Jurnal Inovasi Malaysia.

Komuniti merujuk kepada Badan/Persatuan Kerajaan, Badan/Persatuan Bukan Kerajaan, Persatuan Komuniti dan seumpamanya.

Projek KIK merujuk kepada projek yang melalui proses KIK berpandukan Garis Panduan Pelaksanaan KIK UiTM 3.0

Inovasi KIK merujuk kepada penghasilan dari projek KIK.

Outcome merujuk kepada hasil yang diperoleh daripada pelaksanaan projek KIK dalam jangka masa pendek.

Impak merujuk kepada kesan daripada pelaksanaan projek KIK dalam tempoh jangka masa panjang.

Pengembangan projek merujuk kepada langkah proaktif bagi mengoptimumkan potensi inovasi KIK yang merangkumi elemen penyeragaman projek, replikasi dan pengkomersialan.

BAB 1 PENGENALAN

Bab ini menjelaskan latar belakang dan evolusi pelaksanaan KIK di UiTM, konsep KIK UiTM 3.0, dasar dan konsep inovasi dan kreativiti UiTM serta matlamat dan objektif KIK UiTM 3.0.

Pengurusan KIK meliputi sistem tadbir urus kualiti dan peranan komponen atau pengurus KIK untuk merealisasi pemboleh daya pembangunan KIK UiTM 3.0 dan kalendar tahunan KIK UiTM turut diberi butirannya sebagai panduan kepada pengurus dan penggiat KIK.

1.1 LATAR BELAKANG


Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) sebelumnya dikenali sebagai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK). KMK telah diamalkan di UiTM sejak 1985 untuk menyelesaikan masalah kerja dan menambahbaik sistem kerja jabatan serta memberi peluang kepada warga UiTM menggilap kebolehan dan meningkatkan kompetensi diri.

Sesuai dengan keperluan semasa dan perubahan KMK di dalam dan luar negara dalam penyelesaian masalah UiTM, KMK telah ditukar kepada Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) mulai 2008 sebagai salah satu alat pengurusan KAIZEN di UiTM.

Seiring dengan perubahan teknologi dan corak pembangunan negara yang semakin pesat, agensi Kerajaan perlu sentiasa mengorak langkah untuk menggunakan pendekatan baharu dan berbeza dalam melaksanakan sesuatu dasar dan perkhidmatan. Justeru, pengurusan KIK ditambahbaik agar pelaksanaannya memenuhi konsep Cepat, Tepat, Integriti – Produktiviti, Kreativiti dan Inovasi (CTI-PCI) serta menyokong Strategi Lautan Biru atau *Blue Ocean Strategy* (BOS), prinsip Inovasi Nilai (*Value Innovation*) dan konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA).

Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016, "Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif" diterapkan dalam KIK UiTM bagi memantapkan pembudayaan inovasi berimpak tinggi menerusi KIK UiTM 3.0. Garis panduan ini memberi penjelasan mengenai fasa penghasilan projek, fasa pengiktirafan dan fasa pengembangan projek KIK serta sistem sokongan berkaitan bagi meningkatkan keberkesanan dan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan yang berfokuskan pelanggan dalam merealisasi transformasi dan aspirasi inovasi dan kemampuan memacu kecemerlangan UiTM di pesada global.

Penjenamaan KIK UiTM kepada KIK UiTM 3.0 adalah sempena evolusi pelaksanaan KIK di UiTM seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1.1**.



Rajah 1.1: Evolusi KIK UiTM

1.2 KIK UiTM 3.0

Sejak tahun 2008, kriteria KIK atau ICC (*Innovative and Creative Circle*) Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dijadikan rujukan utama KIK di UiTM bagi penyelesaian masalah kerja untuk menghasilkan inovasi dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti UiTM sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Walau bagaimanapun Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam (PTPA) Bilangan 1 Tahun 2017, MAMPU telah memperkenalkan konsep horizon baru KIK, iaitu KIK dijadikan alat bagi pembudayaan dan memperkasa (idea) inovasi (yang berimpak tinggi) bagi meningkatkan kecemerlangan organisasi dan kesejahteraan rakyat.

Memandangkan kepada perkembangan ini, pengurusan KIK UiTM telah bersetuju untuk menerapkan konsep horizon baharu KIK anjuran MAMPU dalam memantapkan KIK di UiTM.

Justeru itu, penjenamaan KIK UiTM 3.0 bermaksud pemantapan KIK di UiTM dengan menggabungkan kriteria KIK/ICC MPC dan konsep horizon baru KIK MAMPU untuk pembudayaan dan memperkasa inovasi berimpak tinggi bagi kecemerlangan perkhidmatan di UiTM. Gabungan ini dijelaskan dalam **Rajah 1.2**.



Rajah 1.2: KIK UiTM 3.0

1.3 DASAR INOVASI DAN KREATIVITI UiTM

Dasar inovasi dan kreativiti UiTM adalah “UiTM komited membudaya dan menguruskan inovasi dan kreativiti secara profesional bagi melahirkan warga yang dinamik dan progresif dalam meningkatkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan melalui penambahbaikan berterusan ke arah universiti tersohor”.

Dasar ini menjadi punca kuasa pelaksanaan KIK UiTM 3.0.

1.4 KONSEP INOVASI DAN KREATIVITI UiTM

Konsep inovasi dan kreativiti UiTM adalah “Inovasi dan kreativiti di UiTM penting bagi merealisasikan *Transformasi UiTM* melalui penjanaaan idea baharu dan penambahbaikan berterusan berimpak tinggi dalam kecemerlangan penyampaian perkhidmatan dan penjanaaan pendapatan universiti untuk mencapai kepuasan hati pelanggan dan kesejahteraan masyarakat”.

Konsep ini merupakan panduan dan tumpuan bagi penghasilan inovasi dalam pelaksanaan KIK UiTM 3.0.

1.5 MATLAMAT DAN OBJEKTIF KIK UiTM 3.0

Matlamat pelaksanaan KIK UiTM 3.0 adalah untuk mencapai kepuasan hati pelanggan dan kesejahteraan UiTM melalui pencapaian objektif seperti di **Rajah 1.3** berikut:

- a) Meningkatkan keberkesanan perkhidmatan
- b) Meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan
- c) Meningkatkan kompetensi warga UiTM
- d) Menghasilkan inovasi berimpak tinggi




Rajah 1.3: Matlamat dan Objektif KIK UiTM 3.0

1.5.1 PENGURUSAN KIK UiTM 3.0

Sistem Tadbir Urus Kualiti

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) bertanggungjawab sebagai koordinator utama atau sekretariat kepada UiTM bagi mengawal selia hal ehwal pengurusan dan pelaksanaan KIK UiTM 3.0 termasuk penglibatan KIK UiTM di peringkat universiti, kebangsaan mahupun antarabangsa melalui penubuhan Jawatankuasa Pemandu KIK (JPKIK).

Rajah 1.4 menunjukkan kedudukan JPKIK dalam Struktur Tadbir Urus UiTM yang dimaklumkan dalam Pekeliling Naib Canselor Bilangan 06 Tahun 2017 yang dikeluarkan pada 18 Julai 2017 dan berkuatkuasa pada 1 Jun 2017.



Rajah 1.4: Struktur Tadbir Urus Kualiti Universiti

Keanggotaan ahli JPKIK adalah seperti berikut :

| | |
|--------------------|---|
| Pengerusi | : Penolong Naib Canselor (InQKA) |
| Timbalan Pengerusi | : Ketua Inovasi dan Kreativiti (InQKA) |
| Ahli | : Koordinator Inovasi dan Kreativiti (InQKA) Pakar Rujuk KIK UiTM Penyelaras KIK Jabatan/ Bahagian/Fakulti/Cawangan |
| Setiausaha | : Timbalan Pendaftar Kanan/Timbalan Pendaftar/ Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar daripada Pejabat Pentadbiran InQKA |
| Sekretariat | : Pejabat Pentadbiran InQKA |
| Kuasa Melantik | : Penolong Naib Canselor (InQKA) |

Peranan JPKIK adalah untuk:

- a) Merangka dan mengesyor dasar pelaksanaan KIK
- b) Menyelaras dan mengurus aktiviti-aktiviti KIK
- c) Menganjur Konvensyen KIK UiTM secara tahunan
- d) Menilai dan memantau keberkesanan program KIK
- e) Menyelaras penyeragaman inovasi KIK
- f) Mengenal pasti inovasi KIK yang berpotensi untuk tujuan pendaftaran hak cipta dan pengembangan projek

1.5.2 Pengurus KIK UiTM

Dalam memantapkan pelaksanaan KIK UiTM 3.0, InQKA telah menubuhkan Unit Inovasi dan Kreativiti yang diketuai oleh Ketua Inovasi dan Kreativiti dan dibantu oleh Koordinator Inovasi dan Kreativiti.

Unit ini dibantu dengan lantikan Pakar Rujuk KIK UiTM dan Penyelaras KIK Bahagian/Jabatan/Fakulti/Cawangan dengan sokongan Ketua Unit Kualiti Bahagian/Jabatan/Fakulti/Cawangan dan Ketua PTJ (Rektor/Dekan/Ketua Jabatan).

Berikut adalah peranan pengurus KIK UiTM:

Ketua Inovasi dan Kreativiti InQKA berperanan untuk:

- a) Merangka dasar inovasi dan kreativiti universiti
- b) Memantau pelaksanaan dasar inovasi dan kreativiti universiti
- c) Merancang dan memantau aktiviti inovasi dan kreativiti di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa
- d) Mengurus pelaksanaan audit projek inovasi dan kreativiti universiti
- e) Merancang dan mengurus belanjawan aktiviti inovasi dan kreativiti universiti
- f) Merancang Program KIK pelajar bersama Pusat Kokurikulum UiTM
- g) Mewujudkan jaringan dengan agensi luar yang berkaitan
- h) Menjana pendapatan melalui aktiviti-aktiviti inovasi dan kreativiti universiti
- i) Mendapatkan dana bagi menyokong aktiviti-aktiviti inovasi dan kreativiti universiti
- j) Memantau Sistem Pengurusan Portal KIK UiTM
- k) Mengurus penerbitan Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)

Koordinator Inovasi dan Kreativiti InQKA berperanan untuk:

- a) Menggalak warga universiti membudayakan dan memperkasakan inovasi dan kreativiti
- b) Menyelaras pengembangan projek KIK
- c) Menyelaras dan memantau aktiviti KIK di peringkat universiti, kebangsaan atau antarabangsa
- d) Menyelaras konvensyen KIK
- e) Mengurus Sistem Pengurusan Portal KIK UiTM

Pakar Rujuk KIK UiTM berperanan untuk:

- a) Menjadi pakar rujuk KIK UiTM
- b) Memberi khidmat nasihat, bimbingan dan rundingan kepada Fasilitator, Ketua dan ahli KIK
- c) Menjadi panel penilai bagi konvensyen KIK dalaman
- d) Memberi latihan kepada KIK
- e) Menyediakan modul bagi penjana pendapatan melalui aktiviti-aktiviti KIK
- f) Menjadi perantara dalam menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan warga universiti
- g) Menjadi panel penilai bagi pengembangan projek KIK
- h) Membantu pelaksanaan audit projek KIK

Penyelaras KIK Jabatan/Bahagian/Fakulti/Cawangan berperanan untuk:

- a) Mendapatkan peruntukan kewangan untuk aktiviti KIK
- b) Menyemak status fasilitator bagi KIK
- c) Menyemak dan mendaftarkan KIK
- d) Memastikan sekurang-kurangnya dua (2) projek KIK baharu dihasilkan setiap tahun
- e) Merancang dan melapor keberkesanan aktiviti KIK kepada Ketua Unit Kualiti PTJ dan Ketua Inovasi dan Kreativiti InQKA
- f) Menyelaras keperluan konvensyen KIK
- g) Menggalak warga universiti membudayakan dan memperkasakan inovasi dan kreativiti
- h) Mengurus penyertaan projek KIK dalam mana-mana konvensyen KIK atau pertandingan inovasi di peringkat zon, universiti, kebangsaan dan antarabangsa
- i) Mengurus proses pengembangan projek KIK

Ketua PTJ (Rektor/Dekan/Ketua Jabatan/Ketua Bahagian) hendaklah berperanan untuk:

- a) Menyokong pelaksanaan aktiviti KIK
- b) Meluluskan penubuhan KIK
- c) Meluluskan peruntukan kewangan bagi pelaksanaan aktiviti KIK

Ketua Unit Kualiti Bahagian/Jabatan/Fakulti/Cawangan selain melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka hendaklah juga:

- a) Merangka, merancang dan mengurus pembangunan dan pelaksanaan aktiviti KIK
- b) Merancang, menyelaras dan memantau aktiviti KIK yang menyokong dan memantapkan proses dan Sistem Pengurusan Kualiti PTJ dan UiTM.
- c) Memasukkan laporan aktiviti KIK dan pencapaiannya
- d) Membuat perancangan tahunan keperluan latihan staf dan program KIK.

1.5.3 PEMBOLEH DAYA PEMBANGUNAN KIK UiTM 3.0

Pengurus KIK hendaklah menyediakan sistem sokongan bagi memastikan kelangsungan pelaksanaan KIK UiTM 3.0. Beberapa pemboleh daya pembangunan KIK di **Rajah 1.5** adalah penting bagi melestarikan KIK UiTM secara berstruktur dan teratur:



Rajah 1.5: Pemboleh Daya Pembangunan KIK

Pengurusan Inovasi dan Kreativiti

Sistem tadbir urus kualiti UiTM telah mewujudkan Jawatan Kuasa Pemandu KIK UiTM sebagai pembentuk dan pemantuan dasar dan konsep KIK UiTM serta dikukuhkan pengoperasiannya dengan lantikan Pakar Rujuk KIK UiTM, Penyelaras KIK UiTM juga disokong oleh Ketua Unit Kualiti dan Ketua PTJ. Tadbir urus yang bersistematik dan kukuh ini hendaklah dimanfaatkan oleh KIK untuk pelaksanaan KIK UiTM 3.0, iaitu; membudayaan dan memperkasa inovasi di UiTM.

Peranan Komponen Inovasi dan Kreativiti

Komponen inovasi dan kreativiti merujuk juga kepada pengurus KIK di UiTM dalam pelaksanaan KIK UiTM 3.0. Pengurus KIK UiTM hendaklah memberi sokongan padu dalam merealisasikan pemboleh daya pembangunan KIK bagi kelestarian dan penghasilan projek KIK berimpak tinggi untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan UiTM.

Peruntukan Kewangan

Ketua Pusat Tanggungjawab hendaklah memperuntukkan kewangan untuk membiayai pelaksanaan KIK UiTM 3.0 merangkumi urusan latihan, konvensyen dan pengembangan projek KIK melalui peruntukan pengurusan universiti sedia ada, pendanaan dan penajaan pendapatan.

Fasiliti

KIK dibenarkan menggunakan bilik atau ruang khusus bagi melaksanakan KIK UiTM 3.0 dalam suasana yang kondusif. Penggunaan bilik atau ruang yang selesa berupaya membantu ahli KIK menjana idea yang lebih kreatif dan inovatif. KIK juga diberikan kemudahan untuk menggunakan peralatan dan kelengkapan sedia ada dengan persetujuan Ketua Jabatan bagi melaksanakan aktiviti yang dirancang.

Kompetensi Kreatif Dan Inovatif

Bagi memastikan penghasilan projek KIK UiTM 3.0 yang berkualiti, ahli KIK perlu dilengkapi dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran seperti kemahiran berfikir secara kreatif, kemahiran mengaplikasi teknik dan kaedah penghasilan projek serta pengetahuan berkaitan pengembangan projek. Ahli KIK juga perlu diberi latihan bagi meningkatkan kemahiran dalam penyediaan dokumentasi, pembentangan projek dan penggunaan alatan multimedia.

Ganjaran Dan Pengiktirafan

Ahli KIK yang bergiat aktif serta berjaya menghasilkan projek KIK UiTM 3.0 boleh diberi ganjaran atau pengiktirafan yang sesuai sebagai galakan ke arah kelestarian KIK di UiTM. Bentuk pengiktirafan yang boleh diberi adalah seperti yang berikut:

- a) Sokongan berterusan pihak pengurusan atasan sepanjang pelaksanaan projek;
- b) Pemberian surat/sijil penghargaan/cenderamata;
- c) Pencalonan untuk menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;
- d) Merekodkan penyertaan ahli KIK dalam Buku Perkhidmatan;
- e) Menyiarkan gambar ahli KIK yang berjaya dalam buletin, laman web, portal KIK atau pada papan kenyataan;
- f) Memberi peluang kepada ahli KIK untuk menyertai Konvensyen KIK dan/atau Pertandingan Inovasi di pelbagai peringkat kebangsaan dan antarabangsa;
- g) Lawatan sambil belajar dan/atau mengikuti latihan berkaitan inovasi;
- h) Dipertimbangkan sebagai salah satu kriteria penilaian prestasi tahunan dan kenaikan pangkat; dan
- i) Pengiktirafan dalam bentuk monetari dan/atau bukan monetari yang difikirkan sesuai kepada KIK.

1.6 KALENDAR TAHUNAN KIK UiTM 3.0

InQKA komited dalam pelaksanaan KIK UiTM 3.0. Kalendar Tahunan KIK UiTM di **Jadual 1.1** adalah panduan bagi pengurus dan pengiat KIK untuk melaksanakan KIK di sepanjang tahun. Rancangan umum ini melibatkan aktiviti peringkat dalaman dan peringkat kebangsaan juga antarabangsa.


| Aktiviti | Bulan | | | | | | | | | | | |
|---|-------|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | J | F | M | A | M | J | J | O | S | O | N | D |
| Pelaksanaan Projek KIK | X | X | X | X | X | X | X | X | | | | |
| Mesyuarat JPKIK | | | | | X | | | | | | X | |
| Mesyuarat Pakar Rujuk KIK | | | | X | | | | X | | | X | |
| Mesyuarat Penyelaras KIK | | | X | | | | X | | | | X | |
| Konvensyen KIK PTJ | | | | | | | | X | | | | |
| Konvensyen KIK Peringkat Zon | | | | | | | | | X | | | |
| Konvensyen KIK UiTM | | | | | | | | | | | X | |
| Konvensyen KIK UA | | | | | | | | X | | | | |
| Konvensyen TE Wilayah MPC | | | | X | X | X | | | | | | |
| APIC | | | | | | | | | | | X | |
| ICQCC/ICC | | | | | | | | | | | X | |
| Majlis Persada Inovasi Awam | | | | | | | | | | | X | |
| ITEX Malaysia | | | | | X | | | | | | | |
| IIDEA UiTM | | | | | | | | | | | X | |
| Anugerah Inovasi Negara | | | | | | | | | | | X | |
| Penerbitan JURIM | | | | X | | | | | | | X | |
| Perancangan Strategik KIK (tertakluk kepada perubahan) | | | | | | | | | | | | X |

Jadual 1.1 Kalendar Tahunan KIK UiTM

BAB 2 PELAKSANAAN KIK UiTM 3.0

KIK UiTM 3.0 adalah gabungan kriteria KIK/ICC MPC dan konsep Horizon Baru KIK MAMPU bagi pembudayaan dan memperkasa inovasi berimpak tinggi untuk kecemerlangan perkhidmatan di UiTM. Konsep KIK UiTM 3.0 dilaksanakan di UiTM mulai tahun 2017.

Bab ini menjelaskan pelaksanaan KIK melalui tiga (3) fasa, iaitu; Fasa Penghasilan Projek, Fasa Pengiktirafan dan Fasa Pengembangan Projek. Setiap fasa dijelaskan secara terperinci dan memberi penekanan kepada *outcome* dan impak projek seperti dinyatakan dalam **Rajah. 2.1**.



Rajah 2.1: Fasa dan Aktiviti Pelaksanaan KIK UiTM 3.0

2.1 FASA PENGHASILAN PROJEK

Fasa Penghasilan Projek menjelaskan proses KIK UiTM 3.0 untuk membentuk kumpulan, mengenalpasti projek, menganalisis awal projek yang dikenalpasti dan memilih projek, menjangka *outcome* dan impak projek, menjangka bidang inovasi dan kategori inovasi, menganalisis punca dan cadangan penyelesaian/penambahbaikan projek, ujicuba dan penghasilan projek serta penggunaan hasil projek di jabatan.

2.1.1 PEMBENTUKAN KUMPULAN

Bentuk Kumpulan

KIK adalah aktiviti secara berkumpulan. Sesuatu kumpulan hendaklah dibentuk secara rasmi dalam jabatan untuk melaksanakan KIK dan didaftarkan di UiTM. Terdapat dua (2) jenis KIK dalam KIK UiTM 3.0, iaitu; KIK Primer dan KIK Hibrid seperti dijelaskan dalam **Rajah 2.2**.

| KIK PRIMER | KIK HIBRID |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Sekumpulan warga UiTM yang terdiri daripada sekurang-kurangnya 5 orang tetapi tidak melebihi 10 orang yang berkongsi fungsi yang sama atau yang bersilang fungsi dengan jabatan lain di dalam UiTM yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK. | <ul style="list-style-type: none">• Kombinasi atau gabungan sekumpulan warga UiTM yang bersilang fungsi dengan warga Agensi Kerajaan dan/atau industri dan/atau komuniti yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK Hibrid. Bilangan ahli sekurang-kurangnya 5 orang tetapi tidak melebihi 10 orang dan didaftarkan di bawah KIK UiTM. |

Rajah 2.2: Bentuk KIK dalam KIK UiTM 3.0

Borang Pendaftaran Kumpulan Kreatif & Inovatif UiTM di **Lampiran A** hendaklah digunakan untuk sama ada mendaftarkan kumpulan baru atau mengemaskini butiran ahli atau mendaftarkan semula kumpulan.

KIK Primer

Ahli KIK Primer dianggotai oleh warga dalam sistem UiTM sama ada berkongsi fungsi dalam jabatan yang sama atau bersilang fungsi dengan jabatan lain di UiTM untuk melaksanakan projek KIK.

Warga bermaksud staf pentadbiran atau staf akademik atau gabungan di antara mereka.

KIK Hibrid

KIK Hibrid dianggotai oleh warga UiTM bersama warga agensi, industri atau komuniti lain yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK.

Bagi KIK Hibrid, dokumentasi penting yang perlu diadakan adalah Perjanjian Persefahaman atau *Memorandum of Agreement (MoA)* atau *Note of Interest (Nol)* yang ditandatangani oleh Ketua tertinggi agensi yang terlibat. MoA atau Nol ini sekurang-kurangnya mengandungi pernyataan:

- a) Mengiktiraf pembentukan KIK Hibrid dan perakuan memberi kemudahan untuk melaksanakan KIK
- b) Tahap akses ahli KIK terhadap data dan fakta agensi terlibat yang digunakan dalam projek
- c) Pembiayaan, jika projek memerlukan kos
- d) Hak pemilikan inovasi KIK
- e) Faedah dan ganjaran apabila inovasi projek direplikasi atau dikomersialkan.

Komponen KIK UiTM 3.0

Komponen KIK UiTM 3.0 terdiri daripada Ketua KIK, Ahli KIK dan Fasilitator KIK yang berperanan seperti berikut:

Ketua KIK

Ketua KIK merupakan salah seorang ahli dalam KIK. Persetujuan bersama hendaklah dicapai ketika proses pemilihan Ketua KIK agar tidak timbul sebarang isu yang boleh menjejaskan perkembangan KIK. Ketua KIK hanya boleh mengetuai satu (1) KIK sahaja dan boleh menjadi ahli kepada satu (1) KIK yang lain pada satu-satu masa.

Ketua KIK berperanan untuk:

- a) Melatih ahli KIK mengenai teknik pengendalian projek dengan bantuan Fasilitator
- b) Memastikan kelancaran projek serta memupuk semangat kerjasama dan harmoni dikalangan ahli KIK
- c) Memastikan rekod dan dokumentasi projek disimpan dengan baik
- d) Memberi input dalam proses pengauditan projek
- e) Mengurus persembahan projek kepada pihak pengurusan
- f) Mengelola dan mempengerusi mesyuarat secara tetap dan tepat pada waktunya dengan teratur dan berkesan
- g) Melapor perkembangan projek kepada Penyelaras KIK secara berkala

Ahli KIK

Keahlian KIK terbuka kepada semua peringkat staf UiTM sama ada staf pentadbiran atau staf akademik. Bagi KIK Hibrid, wakil Agensi Kerajaan/Industri/Komuniti hendaklah sekurang-kurangnya dua (2) orang atau mengikut keperluan. Setiap ahli hanya boleh menyertai satu (1) KIK sahaja sebagai ahli pada satu-satu masa.

Ahli KIK berperanan untuk:

- a) Menghadiri mesyuarat secara tetap dan tepat pada waktunya

- b) Memberi komitmen dalam menyempurnakan projek
- c) Memastikan penghasilan dokumentasi projek
- d) Mengambil bahagian semasa persembahan pengurusan berdasarkan pembahagian tugas yang telah ditetapkan

Fasilitator KIK

Pelantikan Fasilitator KIK bukan suatu kemestian dan tertakluk kepada satu-satu KIK. Fasilitator KIK adalah tidak termasuk dalam bilangan ahli KIK. Ketua dan Koordinator Unit Inovasi & Kreativiti InQKA, Pakar Rujuk KIK UiTM dan Penyelaras KIK Bahagian/Jabatan/Fakulti/Cawangan atau sesiapa di kalangan staf UiTM boleh memberi khidmat sebagai Fasilitator KIK.

Fasilitator KIK berperanan untuk:

- a) Membimbing KIK berlandaskan garis panduan KIK UiTM 3.0
- b) Menjadi perantara di kalangan pengurusan dengan KIK
- c) Memastikan KIK melaksanakan projek mengikut kriteria yang telah ditetapkan
- d) Memastikan kemajuan projek KIK

Nota: KIK hendaklah mewujudkan identiti kumpulan tersendiri seperti nama, logo, moto, visi, misi, etika dan objektif kumpulan atau lain-lain yang difikirkan bersesuaian. Setiap KIK yang diwujudkan hendaklah disahkan pembentukannya oleh Ketua PTJ. Dokumen pembentukan KIK hendaklah diserahkan kepada Penyelaras KIK untuk didaftarkan Portal Sistem Pengurusan KIK UiTM (portalkik.uitm.edu.my).


2.1.2 PEMILIHAN DAN ANALISIS AWAL PROJEK

Projek KIK UiTM 3.0

Dalam KIK UiTM 3.0, terdapat dua (2) pendekatan pelaksanaan projek, iaitu Projek Penyelesaian Masalah (PPM) dan Projek Berasaskan Projek (PBP). Perbezaan ciri projek PPM dan PBP dijelaskan dalam **Rajah 2.3**.

- **Projek Penyelesaian Masalah (PPM)** adalah subset kepada **Projek Berasaskan Projek (PBP)**. **Perbezaan Ciri PPM dan PBP:**

| Ciri-ciri | PPM | PBP |
|----------------------------------|---|---|
| Tujuan aktiviti | Orentasi inkuiri | Orentasi perlakuan atau penghasilan |
| Produk atau hasil | Jawapan atau penyelesaian | Artifak yang menunjukkan hasil kajian. |
| Titik permulaan atau stimulasi | Masalah yang diberi | Tajuk, soalan atau isu (termasuk masalah) diberi, dirunding atau dipilih. |
| Proses pelaksanaan dan penentuan | Menentukan penyelesaian proses atau masalah | Proses atau langkah yang ditetapkan sebelum projek disiapkan |



Disesuaikan daripada Harriman, 2007

Rajah 2.3: Ciri Projek Penyelesaian Masalah (PPM) dan Projek Berasaskan Projek (PBP)

Projek Penyelesaian Masalah (PPM) dimulakan dengan aktiviti mengenalpasti masalah, menganalisis sebab-sebab yang mengakibatkan masalah, cadangan penyelesaian atau inovasi KIK untuk mengatasi sebab utama, ujicuba inovasi KIK dan menggunakan inovasi KIK. Inovasi KIK boleh berbentuk sama ada inovasi penciptaan atau inovasi penambahbaikan.

Contoh tajuk projek PPM adalah pernyataan mengatasi atau penambahbaikan seperti 'Meningkatkan Keberkesanan Kos Perkhidmatan'.

Manakala **Projek Berasaskan Projek (PBP)** dimulakan dengan cetusan idea untuk menambahbaik situasi semasa yang dihadapi. KIK melaksanakan proses intervensi-intervensi terhadap idea yang dicetuskan sehingga terciptanya inovasi KIK bagi transformasi atau menambahbaik situasi yang dihadapi. Inovasi KIK yang dicipta adalah sama ada inovasi penciptaan atau inovasi penambahbaikan.

Contoh tajuk projek PBP adalah nama inovasi seperti 'e-Voting'.

Modus Operandi Projek

Modus operandi projek adalah aktiviti yang dilaksanakan oleh KIK dalam fasa penghasilan projek, fasa pengiktirafan dan fasa penyeragaman projek KIK UiTM 3.0 yang perlu dirancang dalam tempoh yang ditetapkan secara sistematik.

Dalam KIK UiTM 3.0, selain daripada PDCA, dua (2) modus operandi projek lain diperkenalkan, iaitu *Design Thinking (DT)* dan *Blue Ocean Strategy (BOS)*. Walau bagaimanapun, KIK boleh menggunakan modus operansi projek lain yang sesuai dan dikuasai oleh KIK. Perbezaan ketara di antara modus operandi projek yang digunakan adalah aktiviti teknik dan kaedah menganalisis punca dan cadangan penyelesaian/penambahbaikan projek dalam fasa penghasilan projek. Hal ini akan

dijelaskan dengan lebih terperinci dalam perenggan Teknik dan Kaedah Penghasilan Projek.

Modus operandi projek perlu ditentukan dan dirancang pada peringkat ini atau seawal selesai KIK dibentuk. KIK UiTM 3.0 mencadangkan supaya sesuatu projek KIK disiapkan dalam tempoh enam (6) bulan.

Contoh Jadual Perancangan projek menggunakan modus operandi projek *PDCA* adalah seperti **Rajah 2.4**.

| Aktiviti | Tempoh 6 Bulan – 24 Minggu (Januari – Jun) | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--------------------------------|--|---|---|---|---|---|---|---|---|----|----|----|----|----|----|----|----|----|----|----|----|----|----|----|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 | 16 | 17 | 18 | 19 | 20 | 21 | 22 | 23 | 24 |
| Pembentukan Kumpulan | ■ | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Identiti Kumpulan | ■ | ■ | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Pengendalian Kumpulan | | ■ | ■ | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Menetapkan Tema Projek | | | ■ | ■ | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Mengenalpasti Masalah | | | | ■ | ■ | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Menjelaskan Masalah | | | | ■ | ■ | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Sasaran Penyelesaian Masalah | | | | | ■ | ■ | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Jangkaan Outcome & Impak | | | | | | ■ | ■ | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Analisis Sebab & Akibat | | | | | | | ■ | ■ | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Analisis Cadangan Penyelesaian | | | | | | | | ■ | ■ | | | | | | | | | | | | | | | |
| Ujicuba Cadangan Penyelesaian | | | | | | | | | ■ | ■ | | | | | | | | | | | | | | |
| Pengiktirafan inovasi projek | | | | | | | | | | | ■ | ■ | | | | | | | | | | | | |
| Penggunaan inovasi dalaman | | | | | | | | | | | | | ■ | ■ | | | | | | | | | | |
| Pengembangan inovasi projek | | | | | | | | | | | | | | | ■ | ■ | | | | | | | | |
| Penilaian & Pencapaian Projek | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | ■ | ■ | |

Rajah 2.4: Modus Operandi Projek *PDCA*

Contoh Jadual Perancangan Projek menggunakan modus operandi projek *Design Thinking* (DT) adalah seperti di **Rajah 2.5**.



Rajah 2.5: Modus Operandi Projek Design Thinking (DT)

Contoh Jadual Perancangan Projek menggunakan Modus Operandi Projek *Blue Ocean Strategy* (BOS) adalah di **Rajah 2.6**.



Rajah 2.6: Modus Operandi Projek *Blue Ocean Strategy* (BOS)

Analisis Awal Projek

Memulakan aktiviti, KIK hendaklah menganalisis setiap projek yang dikenalpasti menggunakan data dan fakta sejarah bagi menentukan keutamaan projek dan tahap kemampuan untuk KIK melaksanakannya.

Kriteria Projek KIK UiTM 3.0

Selain mengetahui keutamaan dan kemampuan untuk KIK dilaksanakannya, projek yang dipilih hendaklah menepati kriteria projek KIK UiTM 3.0 seperti dijelaskan dalam **Rajah 2.7**.

| | | |
|--|---|--|
|  | KREATIF DAN INOVATIF | <ul style="list-style-type: none">➤ Idea baharu yang kreatif diterjemahkan melalui penghasilan projek berinovatif yang memberi manfaat kepada organisasi dan pelanggan |
|  | IMPAK POSITIF YANG TINGGI DAN MENYELURUH | <ul style="list-style-type: none">➤ Organisasi - Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan➤ Pelanggan - Menepati standard perkhidmatan dan memenuhi harapan pelanggan➤ Masyarakat - Memastikan keperluan sosial masyarakat dipenuhi➤ Projek boleh dilaksanakan dalam tempoh singkat |
|  | PULANGAN NILAI TERBAIK | <ul style="list-style-type: none">➤ Penjimatan kos melalui pengoptimuman penggunaan sumber➤ Penjanaaan atau peningkatan pendapatan |
|  | REPLIKASI | <ul style="list-style-type: none">➤ Projek berpotensi diadaptasi secara terus atau diubah suai mengikut keperluan agensi➤ Agenda replikasi perlu diambil kira pada peringkat penghasilan projek sebagai langkah awal pengembangan potensi projek |
|  | PENGGOMERSIALAN | <ul style="list-style-type: none">➤ Penciptaan dan penyampaian nilai baharu kepada pelanggan di pasaran➤ Projek berupaya bersaing di pasaran serta mampu menjana pendapatan➤ Agenda pengkomersialan perlu diambil kira pada peringkat penghasilan projek sebagai langkah awal pengembangan potensi projek |

Rajah 2.7: Kriteria Projek KIK UiTM 3.0

Borang Penghasilan Projek KIK di **Lampiran B** hendaklah digunakan seawal memulakan projek atau selewat-lewatnya setelah sesi Persemban Pengurusan untuk kumpulan mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan.

2.1.3 JANGKAAN OUTCOME DAN IMPAK PROJEK

Kaitan Projek Dengan Fungsi Organisasi, Pelanggan dan Pemegang Taruh serta ekosistem dan keadaan semasa

Projek KIK UiTM 3.0 yang dipilih untuk dilaksanakan hendaklah mempunyai kaitannya dengan:

- a) Fungsi organisasi,
- b) Keperluan dan kehendak pelanggan,
- c) Keperluan dan kehendak pemegang taruh, dan
- d) Ekosistem dan keadaan semasa seperti program Transformasi UiTM, Perancangan Strategik UiTM, Rancangan Malaysia Ke11, Pelan Pembangunan Pendidikan Negara (Pendidikan Tinggi) (PPN(PT)), program transformasi kerajaan seperti Wawasan 2020, TN50 dan sebagainya.

Penanda Aras

Perlu juga dikenalpasti amalan-amalan terbaik rakan strategik atau industri yang sama berkaitan projek melalui aktiviti penanda arasan sebagai asas penyelesaian atau memperkasa inovasi.

Objektif Projek KIK UiTM 3.0

Maklumat-maklumat tersebut adalah penting untuk menentukan dan objektif projek, iaitu:

- a) Mengurangkan kos operasi
- b) Mengurangkan tempoh penyampaian perkhidmatan
- c) Meningkatkan produktiviti jabatan, dan
- d) Meningkatkan kepuasan hati pelanggan.

Sasaran Projek

Sasaran projek adalah jangkaan pencapaian nilai tahap penyelesaian masalah atau tahap transformasi situasi dinyatakan dalam bentuk **kuantitatif**. Data dan fakta penanda aras dan objektif projek dijadikan justifikasi kepada sasaran projek berkenaan.


Jangkaan Outcome Dan Impak Projek

Setelah sasaran projek ditetapkan, KIK hendaklah menjangka pula *outcome* dan impak projek.

Jangkaan outcome bermaksud sejauh mana sesuatu inovasi KIK yang dihasilkan memberi kesan terhadap fungsi organisasi, keperluan dan kehendak pelanggan, keperluan pemegang taruh, ekosistem dan keperluan keadaan semasa dalam tempoh jangka pendek kebergunaan inovasi KIK.

Manakala **jangkaan impak** bermaksud sejauh mana projek KIK yang telah selesai dilaksanakan memberi kesan terhadap fungsi organisasi, keperluan dan kehendak pelanggan, keperluan pemegang taruh, ekosistem dan keperluan keadaan semasa dalam tempoh jangka panjang.

Jangkaan ini mampu memandu arah tuju projek juga memotivasi KIK untuk melakukan penyelesaian masalah atau transformasi situasi semasa berpandukan kepada keberhasilan projek KIK UiTM 3.0 seperti di **Rajah 2.8**.



Rajah 2.8: Bidang Inovasi, Kategori Inovasi dan Keberhasilan Projek KIK UiTM 3.0

2.1.4 JANGKAAN BIDANG INOVASI DAN KATEGORI INOVASI

Bidang Inovasi

KIK hendaklah menjuruskan pelaksanaan projek kepada salah satu bidang inovasi. Terdapat tiga (3) bidang inovasi dalam KIK UiTM 3.0, iaitu: Inovasi Sosial, Inovasi Pengurusan dan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P). Setiap bidang inovasi mempunyai ciri-ciri tertentu.

Bidang Inovasi Sosial merangkumi idea, model dan perkhidmatan baharu yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan pelanggan UiTM dan masyarakat. Fokus pelaksanaan inovasi sosial tidak hanya tertumpu kepada pencapaian impak sosial semata-mata, malah memberikan penekanan kepada proses penglibatan pelanggan UiTM dan masyarakat dalam membangunkan sesuatu inovasi.

Ciri-ciri Inovasi Sosial dirumuskan seperti dalam **Rajah 2.9**.



Rajah 2.9: Ciri-ciri Inovasi Sosial

Bidang Inovasi Pengurusan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif bermatlamat bagi meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan tadbir urus universiti ke arah pengurusan terbaik dan lancar serta meningkatkan kepuasan hati pelanggan UiTM.

Inovasi yang dihasilkan perlu mempunyai nilai tambah serta berupaya menyediakan perkhidmatan yang lebih inovatif, memperluas liputan perkhidmatan dan mudah diakses pelanggan UiTM dan masyarakat. Idea-idea ini boleh merangkumi penambahbaikan kepada sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan terhadap teknologi baharu dalam aspek:

- Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi,
- Budaya Kerja,
- Kewangan dan Aset,
- Pengurusan Perhubungan Pelanggan,
- Pengurusan Sumber Manusia,
- Pengurusan Kewangan
- Pengurusan pelajar
- Pengurusan Projek Pembangunan
- Pengurusan Prasarana dan Penyelenggaraan Fasiliti Universiti
- Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Ciri-ciri Inovasi Pengurusan dirumuskan seperti dalam **Rajah 2.10**.



Rajah 2.10: Ciri-ciri Inovasi Pengurusan

Bidang Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) meliputi terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk transformasi penyampaian pengajaran & pembelajaran. Inovasi ini bermatlamat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian, perkongsian dan penyebaran ilmu kepada pelajar-pelajar UiTM dan komuniti. **Rajah 2.11** pula menjelaskan ciri-ciri inovasi pengajaran dan pembelajaran.

Inovasi yang dihasilkan perlu mempunyai nilai tambah dan boleh merangkumi penambahbaikan teknik dan kaedah pengajaran dan pembelajaran mahupun pengenalan teknologi baharu dalam aspek seperti:

- Penyampaian program/kursus akademik,
- *Subject/University Ranking*
- Pelaksanaan iCGPA,
- Pelaksanaan *CEO@Faculty Programme*,
- Pelaksanaan 2U2i
- Pelaksanaan berbentuk digital (*MOOC, Blended Learning* dll)
- *Graduate On Time (GOT)*



Rajah 2.11: Ciri-Ciri Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran

Kategori Inovasi

Dalam KIK UiTM 3.0, setiap bidang inovasi boleh dihasilkan dalam dua (2) kategori, iaitu; sama ada Inovasi Penciptaan atau Inovasi Penambahbaikan seperti dalam **Rajah 2.12**.

Inovasi penciptaan bermaksud penciptaan sesuatu produk, perkhidmatan atau kaedah yang baharu dan belum pernah dilaksanakan.

Manakala **inovasi penambahbaikan** adalah penambahbaikan kepada sesuatu produk, perkhidmatan atau kaedah sedia ada agar menjadi lebih berkualiti, inovatif dan kos efektif.



Rajah 2.12: Kategori Inovasi

Nota: Pemilihan Bidang Dan Kategori Inovasi Projek: Setiap projek KIK yang dihasilkan hendaklah memenuhi salah satu daripada bidang inovasi, iaitu sama ada Inovasi Sosial atau Inovasi Pengurusan atau Inovasi Pengajaran & Pembelajaran; dan setiap pilihan bidang inovasi berkenaan hendaklah memenuhi ciri-ciri tersebut.

Demikian juga mengenai kategori inovasi, projek KIK yang dihasilkan hendaklah memenuhi salah satu daripada kategori inovasi, iaitu inovasi penciptaan atau inovasi penambahbaikan dan setiap pilihan kategori inovasi berkenaan hendaklah memenuhi ciri-ciri yang berkenaan.

2.1.5 ANALISIS PUNCA DAN CADANGAN PENYELESAIAN/PENAMBAHBAIKAN PROJEK

Teknik dan Kaedah Penghasilan Projek

Penghasilan projek KIK hendaklah menggunakan teknik dan kaedah tertentu secara saintifik dan bersistematik. Penggunaan teknik dan kaedah penghasilan projek dalam KIK UiTM 3.0 adalah **fleksibel**. Selain dari PDCA, teknik dan kaedah *Design Thinking* (DT) dan *Blue Ocean Strategy* (BOS) diperkenalkan untuk digunakan. Teknik dan kaedah penghasilan projek lain yang dikuasai oleh KIK boleh juga digunakan seperti PDSA, DMAIC, TRIZ atau lain-lain mengikut kesesuaian projek.

Walau bagaimanapun, KIK tidak dibenarkan mencampor aduk teknik dan kaedah penghasilan projek dan memilih untuk menggunakan salah satu teknik dan kaedah sahaja.

PDCA

Teknik dan kaedah penghasilan projek PDCA digunakan dalam melaksanakan projek penyelesaian masalah (PPM) yang dipelopori oleh William Edwards Deming pada tahun 1950an. Objektif teknik dan kaedah ini adalah untuk mencipta inovasi sebagai penyelesaian sesuatu masalah.

PDCA terkenal dengan pendekatan Roda Deming, iaitu penghasilan projek dilaksanakan dalam empat fasa; *Plan* (Rancang), *Do* (Laksana), *Check* (Semak)

dan Action (Laksana). **Rajah 2.13** menunjukkan aktiviti setiap fasa penghasilan projek.



Rajah 2.13: Teknik dan Kaedah Penghasilan Projek – PDCA

Design Thinking (DT)


Teknik dan kaedah penghasilan projek *Design Thinking* (DT) digunakan untuk memperkasa idea kepada suatu inovasi yang memenuhi keperluan pengguna dan mengutamakan nilai kefungsiannya dalam transformasi situasi semasa. Teknik dan kaedah ini adalah bagi mengelakkan penciptaan suatu inovasi yang *ego-centric*¹ dan diperkukuh dengan konsep nilai kefungsiannya inovasi oleh Steve Jobs².

Teknik dan kaedah ini dipopularkan oleh seorang *cognitive scientist* dan *usability engineer* bernama Donald Norman mulai awal 1960an. Dalam konteks KIK UiTM 3.0, konsep DT anjuran Kukuh Indraprasena dari *Young Academic Entrepreneur*, Indonesia digunapakai.

Konsep DT ini berasaskan kepada tiga (3) prinsip iaitu *Hear* (Dengar), *Create* (Cipta) dan *Deliver* (Sampaikan) dalam lima (5) fasa intervensi memperkasa idea kepada sesuatu inovasi seperti di jelaskan dalam **Rajah 2.14**.

¹ Inovasi *ego-centric* bermaksud suatu ciptaan inovasi yang lebih menumpukan nilai estetik daripada nilai kefungsiannya.

² "Design is not just what it looks like and feels like. Design is how its works", Steve Jobs, co-founder Apple.




Sumber: Kukuh Indraprasena dari *Young Academic Entrepreneur*, Indonesia

Rajah 2.14: Teknik dan Kaedah Penghasilan Projek – *Design Thinking* (DT)

Blue Ocean Strategy (BOS)

KIK UiTM 3.0 memperkenalkan teknik dan kaedah penghasilan projek *Blue Ocean Strategy* (BOS). BOS adalah berdasarkan konsep yang dipelopori oleh Prof W. Chan Kim and Renée Mauborgne (2005).

BOS digunakan untuk memperkasa idea kepada sesuatu inovasi unggul yang terkehadapan dan melepasi kebiasaan melalui empat (4) fasa intervensi iaitu; *Visual Awakening*, *Visual Exploration*, *Milestone/Calibration* dan *Visual Strategy Fair* seperti dijelaskan dalam **Rajah 2.15**.



Sumber: *Blue Ocean Strategy* oleh Prof W. Chan Kim and Renée Mauborgne

Rajah 2.15: Teknik dan Kaedah Penghasilan Projek – BOS

Analisis Projek

Penghasilan projek perlu melalui proses analisis data dan fakta secara sistematik dan saintifik dengan bantuan carta, graf dan matrik serta alat-alat kawalan kualiti. Alat-alat kawalan kualiti (*quality tools*) ini mampu memudahkan KIK dalam penganalisaan dan menghasilkan cadangan penyelesaian atau penambahbaikan dengan penciptaan inovasi yang betul.

Analisis boleh dilaksanakan secara kualitatif dan kuantitatif, namun pendekatan kuantitatif amat digalakkan agar pengukuran *outcome* dan impak projek dinyatakan dengan tepat.

Penggunaan data dan fakta yang disahkan oleh pemunya melalui penggunaan alat kawalan kualiti yang sesuai bukan sahaja memudahkan proses penghasilan projek KIK, bahkan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman khalayak dalam sesuatu persembahan projek.

Nota: Borang Penghasilan Projek KIK di **Lampiran B** yang telah diperakukan oleh Ketua Jabatan hendaklah dimuatnaik ke **Portal KIK** sebagai syarat penyertaan KIK ke Konvensyen KIK Peringkat Zon UiTM.

2.1.6 UJICUBA DAN PENGHASILAN PROJEK

Ujicuba Cadangan Inovasi

Berasaskan kepada analisis projek, dalam KIK UiTM 3.0 suatu inovasi penyelesaian masalah atau transformasi situasi semasa perlu melalui intevensi penambahbaikan dan kesesuaian kebergunaannya dengan mengujicuba dalam sistem sebenar secara sementara untuk beberapa tempoh yang sesuai.

Setiap intervensi penambahbaikan dan kesesuaian kebergunaan suatu inovasi perlu dijelaskan mengikut peringkat ujicuba sehingga terhasilnya inovasi KIK baharu.

Penghasilan Projek

Penghasilan projek bermaksud inovasi KIK baharu yang dicipta untuk penyelesaian masalah atau transformasi situasi setelah melalui proses intervensi dan ujicuba.

Dalam KIK UiTM 3.0, inovasi KIK baharu perlu dijelaskan spesifikasinya dan dibangunkan prototaip. Prototaip ini amat wajar untuk dikongsi dengan pengguna untuk ditambahbaik atau dimuktamatkan tahap kebergunaannya.

2.1.7 PENGGUNAAN HASIL PROJEK DI JABATAN

Prosedur atau *Standard Of Procedure (SOP)*

Inovasi KIK atau prototaip yang dimuktamatkan perlu disokong dengan penambahbaikan atau penyediaan prosedur atau SOP sebagai panduan untuk melaksanakan cara kerja atau cara penggunaan inovasi KIK baharu.

Prosedur atau SOP baharu ini perlu dibentangkan dan mendapat kelulusan Ketua Jabatan.

Penggunaan Hasil Projek Di Jabatan

Perlu didapatkan kebenaran daripada Ketua Jabatan agar inovasi KIK digunakan dalam sistem jabatan secara tetap atau dijadikan cara kerja atau penyampaian perkhidmatan baharu.

Kesesuaian kebergunaan inovasi KIK baharu ini masih perlu dipantau keberkesannya dan dibuat penambahbaikan, jika perlu.

Perakuan Pakar

Apabila inovasi KIK baharu diyakini sesuai dan berkesan digunakan maka pakar bidang berkaitan hendaklah dijemput untuk memeriksa kebergunaannya. Pakar bidang hendaklah mengeluarkan surat perakuan bahawa inovasi KIK berkenaan adalah sedia, sesuai dan selamat digunakan.

Perakuan ini adalah berasaskan kepada pemeriksaan prototaip dan tahap kebergunaan inovasi serta data dan fakta keberhasilan projek.

2.2 FASA PENGIKTIRAFAN PROJEK

Fasa Pengiktirafan Projek KIK UiTM 3.0 adalah untuk menjelaskan proses KIK untuk melapor penghasilan projek, melaksanakan persembahan pengurusan, penyertaan KIK dalam program pengiktirafan dalaman dan mendapatkan perlindungan harta intelek hasil projek.

2.2.1 PELAPORAN PROJEK

Pelaporan projek adalah bermaksud melapor aktiviti di fasa penghasilan projek, iaitu: pembentukan kumpulan, pemilihan dan analisis awal projek, jangkaan *outcome* dan impak projek, jangkaan bidang dan kategori inovasi, analisis punca dan cadangan penyelesaian/penambahbaikan projek, ujicuba dan penghasilan projek dan penggunaan hasil projek di jabatan.

Pelaporan ini adalah sebagai rekod atau dokumentasi projek dan hendaklah mengandungi abstrak projek, data dan fakta analisis juga pencapaian hasil inovasi KIK dalam penulisan yang mudah difahami dan bersistematik.

Pelaporan projek KIK UiTM 3.0 hendaklah berpandukan kepada **Kriteria Penilaian Projek KIK UiTM 3.0** di **Lampiran C**.

2.2.2 PERSEMBAHAN PENGURUSAN

Persembahan pengurusan adalah sesi di antara KIK dan pihak pengurusan jabatan bagi menilai *outcome* dan impak projek kepada jabatan serta memperaku kesesuaian kebergunaan inovasi KIK yang dihasilkan untuk digunapakai dan diseragamkan di jabatan.

Selain daripada itu untuk memberi ganjaran dan pengiktirafan kepada mereka yang berjaya menghasilkan projek, KIK terbaik peringkat jabatan akan dicalonkan ke Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon.

Sesi ini hendaklah dihadiri oleh pengurusan atasan jabatan dan diurusetikan oleh Unit Kualiti jabatan. Penyelaras KIK jabatan memainkan peranan penting untuk menjayakan majlis ini.

2.2.3 PENYERTAAN PROGRAM PENGIKTIRAFAN DALAMAN

Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon

Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon adalah pertandingan di kalangan KIK yang mewakili Cawangan UiTM dalam zon berkenaan. UiTM dibahagikan kepada enam (6) zon seperti disenaraikan dalam **Jadual 2.1**.

| Zon | Cawangan UiTM |
|---------|------------------------------------|
| Utara | Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak |
| Selatan | Negeri Sembilan, Melaka, Johor |
| Timur | Pahang, Terengganu, Kelantan |
| Tengah | Selangor |
| Sabah | Sabah |
| Sarawak | Sarawak |

Jadual 2.1: Pengagihan Cawangan UiTM mengikut Zon

Penganjur konvensyen akan dipilih setiap tahun dalam mesyuarat JPKIK dan pihak InQKA akan memberi geran penganjuran.

Juri bagi menilai persembahan projek akan dilantik oleh JPKIK di kalangan Pakar Rujuk KIK UiTM. Selain menilai potensi inovasi KIK, penilaian Juri adalah bertujuan menentukan bentuk pengiktirafan dan ganjaran yang disediakan oleh penganjur serta memilih KIK yang layak dicalonkan ke Konvensyen KIK Peringkat UiTM.

Penilaian akan menggunakan Kriteria Penilaian Projek KIK 3.0 di **Lampiran C**. Projek KIK yang telah dipertandingkan di peringkat zon UiTM dan telah mendapat perlindungan harta intelek, digalakan untuk menyertai konvensyen KIK atau pertandingan inovasi di luar UiTM seperti Mini Konvensyen KIK/ICC atau Konvensyen KIK/ICC peringkat Wilayah MPC, Konvensyen KIK Sektor Peringkat Negeri atau mana-mana pertandingan inovasi anjuran luar sebagai promosi inovasi KIK bagi pengembangan projek.

Penilaian khusus mengenai inovasi KIK pula menggunakan **Borang Penilaian Inovasi KIK UiTM 3.0** di **Lampiran D**.

Peraturan-peraturan penganjuran Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon dijelaskan di **Lampiran F** dan menawarkan anugerah berpandukan **Senarai Anugerah KIK UiTM 3.0** di **Lampiran E**.

Konvensyen KIK Peringkat UiTM

Konvensyen KIK Peringkat UiTM adalah pertandingan di kalangan KIK yang dicalonkan untuk mewakili zon UiTM anjuran InQKA.

Juri Konvensyen KIK Peringkat UiTM yang dilantik oleh JPKIK akan membuat penilaian potensi inovasi KIK dan menentukan bentuk ganjaran dan pengiktirafan yang disediakan oleh penganjur. Juga mengenalpasti KIK yang terbaik untuk dijadikan wakil rasmi UiTM ke konvensyen KIK anjuran organisasi luar di peringkat kebangsaan atau antarabangsa berdasarkan kepada persembahan projek masing-masing.

Projek-projek KIK yang dipertandingkan di Konvensyen KIK peringkat UiTM mesti telah mendapat perlindungan harta intelek.

Peraturan-peraturan penganjuran Konvensyen KIK Peringkat UiTM dijelaskan di **Lampiran G** dan menawarkan anugerah berpandukan **Senarai Anugerah KIK UiTM 3.0** di **Lampiran E**.

2.2.4 PELINDUNGAN HARTA INTELEK HASIL PROJEK

KIK UiTM 3.0 telah menetapkan bahawa semua inovasi KIK yang dihasilkan oleh KIK UiTM adalah dikehendaki mendapatkan perlindungan harta intelek seawal tercetus idea inovasi atau selewat-lewatnya sebelum melaksanakan program pengembangan projek daripada pihak RIBU atau MyIPO.

Proses pendaftaran perlindungan harta intelek akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 3 garis panduan ini.

2.3 FASA PENGEMBANGAN PROJEK

Fasa Pengembangan Projek menjelaskan proses KIK untuk menyeragamkan hasil projek, latihan dan promosi hasil projek, tindakan replikasi hasil projek dan pengkomersialan hasil projek dalam KIK UiTM 3.0.

Peraturan-peraturan umum untuk melaksanakan pengembangan projek KIK UiTM 3.0 dijelaskan di **Lampiran I** panduan ini.

2.3.1 PENYERAGAMAN HASIL PROJEK

Penyeragaman hasil projek bermaksud aktiviti KIK untuk menggunapakai inovasi KIK yang dihasilkan ke seluruh jabatan, cawangan UiTM lain juga ke agensi luar yang sesuai.

Aktiviti ini hendaklah dirancang dan diluluskan secara rasmi oleh Ketua Jabatan kedua-dua pihak yang terlibat dalam penyeragaman hasil projek sebelum dilaksanakan.

Penyeragaman hasil projek hendaklah dilaksanakan sendiri oleh pemilik inovasi KIK, dipantau dan didapati maklumbalas kesesuaian daripada pengguna.

2.3.2 LATIHAN DAN PROMOSI HASIL PROJEK

Latihan Hasil Projek

KIK hendaklah mengatur dan melatih pengguna yang terlibat atau bakal pengguna untuk melaksanakan cara kerja baru atau menggunakan inovasi KIK baharu yang telah dihasilkan.

Pengguna atau bakal pengguna bermaksud pelaksana proses, pelanggan yang terlibat dan pemegang taruh yang berkepentingan. Aktiviti ini adalah untuk memastikan pengguna mahir dan dapat menggunakan inovasi KIK baharu dengan betul dan mencapai penghasilan yang ditetapkan.

Maklumbalas pengguna setelah latihan dilaksanakan amat penting untuk penambahbaikan inovasi KIK, jika perlu.

Promosi Hasil Projek

KIK UiTM 3.0 menetapkan hanya inovasi KIK yang telah memperolehi perlindungan harta intelek dipromosikan bagi penyeragaman projek dalam sistem UiTM atau pengembangan projek kepada agensi luar.

Promosi ini adalah untuk menjelaskan kebergunaan inovasi KIK yang telah dihasilkan serta *outcome* dan impak yang diperolehi kerana penggunaan inovasi KIK berkenaan. Maklumat-maklumat ini penting kepada pengguna atau bakal pengguna menggunakan dengan cara yang betul dan mendapat faedah yang disasarkan.

Perakuan kebergunaan inovasi KIK ini daripada pihak yang berkenaan penting untuk KIK melaksanakan penambahbaikan inovasi, jika perlu.

Penyertaan KIK dalam konvensyen atau pertandingan inovasi anjuran organisasi luar dalam dan luar negara adalah satu kaedah untuk berkongsi amalan baik dan inovasi projek terutama bagi KIK yang dipilih sebagai wakil rasmi UiTM.

Panduan untuk memohon peruntukan bagi menampung belanja penyertaan adalah dijelaskan dalam **Peraturan Penyertaan KIK ke Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi** di **Lampiran H**.

2.3.3 REPLIKASI HASIL PROJEK

Replikasi secara umumnya boleh ditafsirkan sebagai proses menghasilkan salinan yang sama bagi kegunaan atau mengadaptasikan inovasi KIK yang memberi manfaat mengikut kesesuaian dan keperluan pihak-pihak yang berkenaan.

Pendekatan

Dalam KIK UiTM 3.0 memberi fokus kepada dua (2) pendekatan utama bagi replikasi hasil projek, iaitu:

- (a) **Perkongsian (*sharing*):** Perkongsian dan kebolehgunaan inovasi KIK dapat menjimatkan kos serta masa pembangunan projek baharu dan memberi faedah kepada pihak-pihak yang berkepentingan, dan
- (b) **Penghubung (*bridging*):** Menyebarluaskan inovasi KIK adalah usaha penghubung KIK dengan pihak-pihak yang berminat untuk replikasi.

Kaedah Replikasi

Terdapat dua (2) **kaedah replikasi** inovasi KIK, iaitu;

- (a) **Proaktif:** Inovasi KIK yang berpotensi digalakkan untuk menyertai Konvensyen KIK, pertandingan inovasi, pameran (showcase) atau pelbagai platform lain yang bersesuaian melalui perkongsian maklumat bagi tujuan replikasi, dan
- (b) **Reaktif:** Inovasi KIK disebar luaskan melalui pelbagai media untuk diakses oleh pihak-pihak yang berminat untuk direplikasi.

Aktiviti ini hendaklah dirancang dan diluluskan secara rasmi oleh Ketua Jabatan dan Ketua Agensi yang terlibat dalam replikasi hasil projek sebelum dilaksanakan.

Sekiranya sesuatu inovasi KIK dicadang untuk replikasi maka ia tidak perlu dipohon untuk pengkomersialan. Mana-mana pihak yang ingin mengenakan caj atau sebarang bayaran untuk replikasi inovasi KIK, maka pihak berkenaan perlu mencapai persetujuan bersama supaya dapat memelihara kepentingan pihak yang terlibat.

Replikasi hasil projek hendaklah dilaksanakan sendiri oleh pemilik inovasi KIK, dipantau dan didapatkan maklumbalas kebergunaan daripada pihak yang terlibat.

2.3.4 PENGKOMERSIALAN HASIL PROJEK

Pengkomersialan merupakan aktiviti penjanaan pendapatan melalui inovasi KIK yang dihasilkan oleh KIK. Aktiviti ini meliputi penentuan kaedah penjualan, pelesenan, penyerahan hak, pengembangan (spin-off), pengilangan dan usaha sama atau francais oleh KIK sebagai pemilik inovasi KIK dan pihak yang terlibat.

Pendekatan

Pengkomersialan inovasi KIK memberi fokus terhadap tiga (3) pendekatan utama, iaitu:

- (a) **Mendidik (*educating*):** Pendidikan bertujuan untuk menerap serta memberi pendedahan berkaitan pengkomersialan yang boleh dilaksanakan oleh KIK melalui kursus, seminar, bengkel, ceramah dan sebagainya.
- (b) **Memudah cara (*facilitating*):** Pemudah cara bertujuan untuk memperkasakan konsep sinergi serta kebersamaan di antara pihak-pihak yang berkepentingan berkaitan inovasi KIK dan sentiasa bersedia menghulurkan bantuan melalui pemberian khidmat nasihat serta menyelami segala permasalahan KIK dalam menjayakan pengkomersialan, dan
- (c) **Menghubung (*bridging*):** Penghubung adalah bagi menterjemahkan usaha berterusan dalam membantu Pengkomersialan merupakan aktiviti penjanaan pendapatan melalui inovasi KIK yang dihasilkan oleh KIK. Aktiviti ini meliputi penentuan kaedah penjualan, pelesenan, penyerahan hak, pengembangan (spin-off), pengilangan dan usaha sama atau francais oleh KIK sebagai pemilik inovasi KIK dan pihak yang terlibat.

Research Innovation Business Unit (RIBU)

Research Innovation Business Unit (RIBU), sebuah entiti di bawah Institut Pengurusan Penyelidikan & Inovasi UiTM (IRMI) antara lain bertanggungjawab untuk mengurus dan mendaftar harta intelek UiTM serta menyelaras aktiviti pengkomersialannya.

KIK UiTM 3.0 menghendaki supaya KIK mendaftarkan dan mendapatkan khidmat aktiviti pengkomersialan inovasi KIK dengan pihak RIBU berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan.

Penubuhan Syarikat *Startup* atau *Spin-Off*

KIK UiTM menggunapakai keputusan Mesyuarat Senat bertarikh 6 September 2016 mengenai penubuhan Syarikat *Startup* atau *Spin-Off* oleh Penyelidik UiTM untuk menguruskan aktiviti pengkomersialan inovasi KIK yang telah dihasilkan oleh KIK.

Modal Berbayar Tanpa Faedah

Dalam Mesyuarat Eksekutif Universiti (MEU) pada 23 November 2017, pula pada dasarnya telah bersetuju menyediakan **modal berbayar tanpa faedah berjumlah maksimum RM100,000.00** daripada Dana Kecemerlangan untuk KIK melaksanakan aktiviti pengkomersialan.

Oleh yang demikian, KIK yang memiliki inovasi KIK yang berpotensi untuk dikomersialkan boleh memohon modal tersebut dan menubuhkan Syarikat Startup atau Spin-Off untuk melaksanakan aktiviti pengkomersialan melalui JPKIK. Kelulusan melaksanakan aktiviti pengkomersialan Kumpulan IK adalah tertakluk kepada dasar dan syarat-syarat yang dikenakan oleh UiTM seperti tempoh pembayaran balik modal dan kadar agihan pendapatan bersih yang diperolehi kepada UiTM dan ahli-ahli Kumpulan IK.

JPKIK juga berperanan untuk menasihati kaedah pengurusan hasil pendapatan yang diagih di kalangan ahli KIK bagi melestarikan usaha pembudayaan inovasi KIK.

BAB 3 SISTEM SOKONGAN PELAKSANAAN KIK UiTM 3.0

Bab ini menjelaskan sistem sokongan bagi pelaksanaan KIK UiTM 3.0, iaitu; pembangunan Pakar Rujuk KIK UiTM, proses perlindungan harta intelek inovasi KIK dan repository inovasi KIK.

3.1 PEMBANGUNAN PAKAR RUJUK KIK UiTM

Penentuan keberkesanan dan kejayaan pelaksanaan KIK UiTM 3.0 amat bergantung kepada kompetensi ahli KIK dalam penghasilan projek yang kreatif, inovatif dan berimpak tinggi. Ahli KIK menguasai proses penghasilan projek dan mahir dalam menggunakan alat-alat kawalan kualiti dalam penganalisisan data dan fakta yang betul dengan tepat hingga mampu mencipta inovasi KIK sebagai penyelesaian masalah atau memperkasa idea kepada inovasi yang berimpak tinggi bagi transformasi situasi semasa.

Keperluan tersebut amat bergantung kepada Pakar Rujuk KIK UiTM. Mereka dilantik oleh InQKA di kalangan personel yang diketahui mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta menguasai aspek-aspek:

- a) Teknik dan kaedah pembangunan dan motivasi kumpulan;
- b) Dasar & konsep inovasi dan kreativiti UiTM;
- c) Teknik dan kaedah penghasilan projek yang kreatif dan inovatif, dan
- d) Ciri keberhasilan inovasi KIK yang berimpak tinggi.

Pakar Rujuk KIK UiTM bertanggungjawab untuk melatih warga UiTM untuk membentuk KIK bagi pelaksanaan projek. Selain daripada itu, mereka berupaya dan mampu menjadi Juri untuk menilai persembahan projek KIK yang menepati objektif KIK UiTM 3.0 selaras dengan aspirasi UiTM dan negara mengikut piawai KIK/ICC MPC dan Horizon Baru KIK MAMPU.

Bagi tujuan ini, InQKA bertanggungjawab dalam program pembangunan Pakar Rujuk KIK UiTM melalui pelbagai kaedah seperti bengkel, kursus dan seminar.

3.2 PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

Harta intelek bermaksud apa-apa karya, ciptaan, rekaan, varieti baharu tumbuhan, maklumat sulit termasuk rahsia perdagangan yang layak untuk mendapat perlindungan di bawah mana-mana undang-undang harta intelek dan Common Law sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada KIK kerana menghasilkan inovasi dari sebarang eksploitasi hak pemilikan tersebut.

KIK dan UiTM sebagai pencipta dan pemilik inovasi KIK perlu memberi keutamaan kepada aspek-aspek permohonan perlindungan, penentuan hak milik dan kepentingan-kepentingan lain serta penguatkuasaan hak dan kepentingan terhadap harta intelek yang telah dihasilkan.

Kriteria Utama Inovasi KIK

Kriteria utama inovasi KIK yang boleh digunakan oleh KIK dalam membuat keputusan untuk memohon perlindungan harta intelek adalah seperti berikut:

(a) **Paten (*Patent*):** Paten ialah hak eksklusif yang dianugerahkan di bawah Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan Paten 1986 untuk suatu reka cipta baharu sama ada ia ialah satu produk atau satu proses. Paten akan dianugerahkan apabila ia menepati ciri-ciri yang berikut:

- Baharu (*Novelty*);
- Melibatkan langkah mereka cipta; dan
- Boleh digunakan dalam mana-mana industri.

(b) **Hak Cipta (*Copyright*):** Hak cipta ialah hak eksklusif yang diberi oleh undang-undang untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal dan perlindungan sesuatu karya mereka berdasarkan Akta Hak Cipta 1987. Perlindungan hak harta intelek di bawah Akta Hak Cipta 1987 tidak memerlukan permohonan perlindungan secara formal. Perlindungan secara automatik akan diberikan kepada mana-mana karya sastera, karya muzik, karya seni, filem, rakaman suara dan penyiaran yang asli, berkuat kuasa serta-merta dari saat karya asli tersebut dihasilkan.

(c) **Reka Bentuk Perindustrian:** Reka Bentuk Perindustrian ialah perlindungan hak harta intelek di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia. Perlindungan boleh dimohon jika rekaan itu adalah baharu, menarik dan belum pernah didedahkan kepada umum.

(d) **Cap Dagangan (*Trade Mark*):** Perlindungan hak harta intelek di bawah Akta Cap Dagangan 1976 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia. Perlindungan boleh dimohon jika cap dagangan itu (sama ada dalam bentuk jenama, label, nama, tandatangan, perkataan, nombor atau apa-apa tanda niaga lain) boleh dibezakan daripada cap dagangan yang lain.

(e) **Petunjuk Geografi:** Perlindungan hak harta intelek di bawah Akta Petunjuk Geografi 2000 (Akta 602) atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia boleh dimohon jika kualiti, reputasi atau ciri-ciri lain sesuatu barang adalah dianggap berpunca dari tempat asal geografinya.

(f) **Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu:** Perlindungan hak harta intelek di bawah Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000 atau mana-mana undang-undang lain yang seumpamanya di dalam atau luar Malaysia boleh dimohon jika reka bentuk susun atur litar bersepadu itu ialah rekaan yang asli.

(g) **Varieti Baharu Tumbuhan:** Perlindungan hak harta intelek di bawah Akta Varieti Baru Tumbuhan 2004 atau mana-mana undang-undang lain yang

seumpamanya di dalam atau luar Malaysia boleh dimohon jika tumbuhan itu ialah tumbuhan yang baka biaknya adalah baharu, berbeza daripada yang lain, seragam dan stabil.

(h) **Maklumat Sulit Termasuk Rahsia Perdagangan:** Perlindungan hak harta intelek bagi Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan adalah dilindungi di bawah Common Law dan tiada peruntukan undang-undang yang memerlukan permohonan perlindungan secara formal dibuat. Perlindungan Maklumat Sulit termasuk Rahsia Perdagangan yang dilindungi di bawah Common Law akan dikuatkuasakan oleh pemilik/pencipta dengan meminta pihak yang akan atau telah menerima/didedahkan dengan Rahsia Perdagangan atau Maklumat Sulit supaya menandatangani Perjanjian Kerahsiaan (Confidential Agreement)/Perjanjian Untuk Tidak Mendedahkan Maklumat (Non-Disclosure Agreement) atau mana-mana perjanjian lain yang mewujudkan obligasi yang sama.

Selain kriteria asas di atas, KIK dan UiTM perlu mengambil kira faktor kos, nilai komersial, potensi pasaran sesuatu harta intelek tersebut dan faktor-faktor yang relevan, dalam membuat keputusan untuk memohon atau hanya ingin mendapat perlindungan hak harta intelek.

KIK dan UiTM selaku pemilik harta intelek juga mempunyai budi bicara penuh dalam menentukan negara dan/atau wilayah di mana perlindungan hendaklah dimohon bagi harta intelek tersebut.

Pemilikan dan Kepentingan

Kecuali dipersetujui secara nyata dan/atau disebutkan sebaliknya dalam dokumen tertentu, segala hak, pemilikan dan kepentingan kepada dan/atau dalam semua harta intelek menjadi hak milik UiTM jika:

- (a) dicipta oleh KIK UiTMi;
- (b) atas permintaan dan/atau arahan UiTM; dan/atau
- (c) dengan sebahagian besarnya ditaja oleh UiTM atau oleh pihak ketiga (melalui perjanjian atau dokumen secara bertulis) melibatkan pemberian sumber, kemudahan, perkakas, penyeliaan, gaji atau tajaan-tajaan lain.

Dalam menentukan hak milik dan hak pemilikan bagi harta intelek, sumber UiTM ditafsirkan sebagai termasuk, tetapi tidak terhad kepada segala penggunaan ruang, kemudahan dan aktiviti di pejabat. Bagi memastikan segala hak, pemilikan dan kepentingan semua pihak terpelihara, disyorkan pemilikan harta intelek hendaklah dipersetujui secara nyata atau bertulis dan didokumenkan.

REPOSITORI INOVASI KIK

Repositori inovasi KIK diwujudkan untuk mengumpul maklumat KIK dan inovasi KIK yang dihasilkan di UiTM secara berpusat. Selain menjadi pusat rujukan KIK UiTM, repositori ini dijadikan medium perkongsian mengenai inovasi KIK yang telah dihasilkan.

InQKA telah menyediakan dua (2) bentuk repositori utama untuk kegunaan bukan sahaja malah khalayak umum, iaitu:


- i) Sistem Pengurusan KIK atau SPKIK, dan
- ii) Jurnal Inovasi Malaysia atau JURIM.

Sistem Pengurusan KIK UiTM (SPKIK)


Portal SPKIK UiTM boleh dicapai melalui portalkik.uitm.edu.my merupakan satu repositori berpusat dan bersepadu mengenai maklumat Kumpulan KIK dan projek KIK yang dilaksanakan di UiTM.

Penyelaras KIK UiTM adalah bertanggungjawab untuk memuatnaik maklumat berikut dalam SPKIK:

- i) Mendaftar dan mengemaskini maklumat KIK yang diluluskan pembentukannya oleh Ketua Jabatan masing-masing.
- ii) Memutnaik laporan projek KIK yang telah siap dilaksanakan sebagai syarat penyertaan KIK ke Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon.
- iii) Mengemaskini laporan projek yang telah siap dilaksanakan sebagai syarat penyertaan KIK terpilih ke Konvensyen KIK Peringkat UiTM.



Ketua KIK hendaklah menyediakan maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Penyelaras KIK PTJ untuk tujuan di atas.



Rajah 3.1 Paparan Lembaran Utama Portal SPKIK UiTM

Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)



Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM) adalah sebuah jurnal inovasi terbitan InQKA yang komited terhadap percambahan ide kreatif dan inovatif melalui projek-projek yang telah dipertandingkan di Konvensyen KIK ataupun mana-mana pertandingan inovasi sama ada dalam mahupun luar negara. Jurnal ini menerbitkan hasil inovasi bagi bidang inovasi sosial, inovasi pengurusan serta inovasi pengajaran dan pembelajaran. Jurnal ini akan membantu meningkatkan penarafan *ranking* MyRA bagi UiTM.

InQKA akan mempelawa atau mengenalpasti projek KIK yang berpotensi dan berimpak tinggi untuk diterbitkan dalam jurnal. Kumpulan IK atau individu yang dilantik oleh Kumpulan IK berkenaan perlu menyiapkan artikel tersebut

berdasarkan format penulisan yang telah ditetapkan oleh pihak InQKA dan mengemukakanya kepada Jawatan Kuasa Penerbitan JURIM yang dibuka sepanjang masa.

JURIM akan diterbitkan dua (2) kali setahun iaitu pada setiap bulan Mei dan November. Garis panduan penulisan artikel JURIM boleh dicapai di <https://inqka.uitm.edu.my/main/.../jurnal-inovasi-malaysia-jurim>.

LAMPIRAN

| | |
|------------|--|
| Lampiran A | : Borang Pendaftaran KIK |
| Lampiran B | : Borang Penghasilan Projek KIK |
| Lampiran C | : Borang Penilaian Projek KIK UiTM 3.0 |
| Lampiran D | : Borang Penilaian Inovasi KIK |
| Lampiran E | : Senarai Anugerah KIK UiTM 3.0 |
| Lampiran F | : Peraturan-Peraturan Penganjuran Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon |
| Lampiran G | : Peraturan-Peraturan Penganjuran Konvensyen KIK Peringkat UiTM |
| Lampiran H | : Peraturan Penyertaan KIK UiTM ke Konvensyen KIK Atau Pertandingan Inovasi Anjuran Luar Dalam dan Luar Negara |
| Lampiran I | : Peraturan-Peraturan Pengembangan Projek KIK UiTM |

| | |
|------------|-------------------------------|
| Lampiran A | Borang Pendaftaran KIK |
|------------|-------------------------------|

UiTM- InQKA(KIK) B.01(Pindaan 2018)



| BORANG PENDAFTARAN KUMPULAN KREATIF & INOVATIF UiTM | | | |
|--|---------------------|----------------------------------|-----------------|
| Butiran Kumpulan | | | |
| Nama Kumpulan | | | |
| Bentuk Kumpulan | | KIK PRIMER | KIK HIBRID |
| Alamat Kumpulan | | | |
| Pegawai Perhubungan | | Nama/Jawatan Hakiki/No. Hp/E-mel | |
| Tujuan Pendaftaran | | Pendaftaran Baru | Pindaan Butiran |
| Tarikh Pendaftaran | | | |
| Nama Ketua Kumpulan | | Nama/Jawatan Hakiki/No. Hp/E-mel | |
| Nama Fasilitator | | Nama/Jawatan Hakiki/No. Hp/E-mel | |
| Tarikh Pendaftaran dalam SPKIK | | | |
| Nama Ahli Kumpulan | | | |
| Bil | No. Staf>Nama Penuh | Jawatan Hakiki | Jabatan |
| 1 | | | |
| 2 | | | |
| 3 | | | |
| 4 | | | |
| 5 | | | |
| 6 | | | |
| 7 | | | |
| 8 | | | |
| 9 | | | |
| Perakuan dan Pengesahan | | | |
| | Ketua KIK | Ketua Jabatan A | Ketua Jabatan B |
| Nama/ Jawatan/ Tandatangan dan Cop Rasmi | | | |

(Arahan: Bagi KIK Hibrid, hendaklah disertakan MoA atau Nol yang telah lengkap ditandatangani ketika memuatnaik borang pendaftaran ini dalam SPKIK. InQKA)

| | |
|------------|--------------------------------------|
| Lampiran B | Borang Penghasilan Projek KIK |
|------------|--------------------------------------|

UiTM- InQKA(KIK) B.02(Pindaan 2018)



| BORANG PENGHASILAN PROJEK KIK | | | |
|--|--|--|----------------|
| Nama Kumpulan | | | |
| Bentuk Kumpulan | KIK PRIMER | | KIK HIBRID |
| Alamat Kumpulan | | | |
| Pegawai Perhubungan | Nama/Jawatan Hakiki/No. Hp/E-mel | | |
| Bidang Inovasi | Sosial | | P&P |
| Kategori Inovasi | Penciptaan | | Penambahbaikan |
| Kategori Inovasi | | | |
| Nama Ketua Kumpulan | Nama/Jawatan Hakiki/No. Hp/E-mel | | |
| Nama Fasilitator | Nama/Jawatan Hakiki/No. Hp/E-mel | | |
| Tajuk Projek | | | |
| Masalah/Situasi <i>(tidak melebihi 50 perkataan)</i> | | | |
| Nama Inovasi KIK | | | |
| Tempoh Projek | Mula: | | Tamat: |
| Perakuan Ketua KIK <i>(tidak melebihi 20 perkataan)</i> | Nama/Tandatangan & Cop Rasmi: | | |
| Kelulusan Ketua Jabatan | Ulasan: <i>(tidak melebihi 20 perkataan)</i> | | |
| Perakuan Ketua Jabatan Terlibat | Nama/Jawatan/Tandatangan & Cop Rasmi | | |

(Arahan: Borang ini hendaklah dilengkapi oleh KIK seawal memulakan aktiviti Analisis Punca dan Cadangan Penyelesaian/Penambahbaikan Projek atau selewat-lewatnya setelah sesi Persembahan Pengurusan selesai. InQKA)



| BORANG PENILAIAN PROJEK KIK UiTM 3.0 | | | | |
|--------------------------------------|------------|--|----------------|-----|
| Nama Kumpulan | | | | |
| Tajuk Projek | | | | |
| Bentuk Kumpulan | KIK PRIMER | | KIK HIBRID | |
| Bidang Inovasi | Sosial | | Pengurusan | P&P |
| Kategori Inovasi | Penciptaan | | Penambahbaikan | |

| Skala Penilaian | | | | |
|-----------------|-------------|------|-----------|-----------|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Lemah | Kurang Baik | Baik | Amat Baik | Cemerlang |

| | KRITERIA | Pemberat (a) | Markah (Maksima 5) (b) | Jumlah Markah (a) X (b) |
|------------|---|-----------------|------------------------------|----------------------------|
| I. | PENGENALAN | 5 | | |
| 1. | Latar belakang organisasi, kumpulan diterangkan. Pemilihan dan pengelibatn ahli kumpulan juga perancangan projek adalah berkesan. | 2 | | |
| 2. | Sokongan dan kelulusan pihak pengurusan tertinggi setiap agensi terlibat dibuktikan. | 3 | | |
| II. | PEMILIHAN & SASARAN PROJEK | 15 | | |
| 3. | Kumpulan menerangkan dengan jelas projek yang dipilih berkaitan dengan: a) fungsi organisasi b) kehendak pelanggan c) piawai pemegang taruh d) keadaan dan ekosistem semasa | 8 | | |
| 4. | Projek dan terminologi yang diguna didefinisikan dengan jelas. | 2 | | |
| 5. | Kumpulan menyatakan prestasi proses semasa dan penetapan sasaran projek diterangkan berasaskan data/maklumat penanda aras. Jangkaan kesan/faedah penyelesaian projek terhadap organisasi, pelanggan dan pemegang taruh dinyatakan. | 5 | | |

| | KRITERIA | Pemberat (a) | Markah (Maksima 5) (b) | Jumlah Markah (a) x (b) |
|-------------|--|-----------------|------------------------------|----------------------------|
| III. | ANALISIS PELUANG PENAMBAHBAIKAN | 25 | | |
| 6. | Analisis dan penilaian penyebab dilaksana untuk mengenalpasti penyebab sebenar menggunakan alat/kaedah yang sesuai. | 12 | | |
| 7. | Peluang penambahbaikan dikenalpasti selari dengan keperluan pelanggan berasaskan data/maklumat yang dikumpul melalui pelbagai kaedah/alat yang sesuai. | 8 | | |
| 8. | Verifikasi dan validasi penyebab sebenar atau peluang penambahbaikan yang dipilih dilaksanakan menggunakan alat/kaedah yang sesuai. Alat/kaedah digunakan dengan betul. | 5 | | |
| IV. | CADANGAN KREATIF & INOVATIF DAN PELAKSANAANNYA | 20 | | |
| 9. | Kumpulan mengenalpasti dan menilai untuk memilih pelbagai potensi cadangan/tindakan penyelesaian yang kreatif dan inovatif. | 7 | | |
| 10. | Tindakan penyelesaian dirancang dan dilaksanakan secara berkesan. | 5 | | |
| 11. | Pelaksanaan ujicuba tindakan penyelesaian dan pencapaiannya diterangkan secara terperinci. Penyertaan pelanggan dan <i>stakeholder</i> dibuktikan. | 5 | | |
| 12. | Inovasi projek diperaku oleh pihak yang bertauliah. Inovasi projek diterimapakai dalam organisasi terlibat dibuktikan dan dipantau keberhasilannya. | 3 | | |
| V. | PENYERAGAMAN DAN PEMANTAUAN | 10 | | |
| 13. | Inovasi projek diseragamkan dan dipantau keberhasilannya secara sistematik. Maklumbalas penyeragaman dinyatakan. Tindakan pembetulan, jika perlu diterangkan. | 5 | | |
| 14. | Prototaip inovasi projek dihasilkan berasaskan keberhasilan projek yang terbaik. | 2 | | |
| 15. | Dokumen-dokumen seperti prosedur kerja dan SOP dipinda/dibaharui, diluluskan, diedar dan dijadikan panduan oleh pihak yang terlibat. | 2 | | |
| 16. | Promosi dan latihan cara kerja/inovasi projek diadakan kepada pihak yang terlibat. | 1 | | |

| | KRITERIA | Pemberat (a) | Markah (Maksima 5) (b) | Jumlah Markah (a) x (b) |
|-------------|---|-------------------------|---------------------------------------|------------------------------------|
| VI. | KEBERHASILAN PROJEK | 20 | | |
| 17. | Keberhasilan projek dipadankan dengan sasaran dan jangkaan projek diperincikan dan disahkan oleh pihak yang bertanggungjawab. Kos projek diperincikan dan disahkan oleh pihak yang bertanggungjawab. | 7 | | |
| 18. | <i>Outcome</i> projek (jangka pendek) perincikan dan disahkan oleh pihak yang bertanggungjawab. Nilai tambah (<i>value added</i>)diperincikan dan disahkan oleh pihak bertanggungjawab. | 3 | | |
| 19. | <i>Pengiktirafan terhadap impak projek (jangka panjang) kepada persekitaran dan nilai masyarakat dibuktikan di peringkat:</i> a) <i>Organisasi</i> b) <i>Industri</i> c) <i>Negara</i> d) <i>Antarabangsa</i> | 4 | | |
| 20. | <i>Spin off dari projek diperincikan</i> | 3 | | |
| 21. | <i>Potensi pengembangan projek dinyatakan:</i> a) <i>Replikasi</i> b) <i>Komesilkan</i> | 3 | | |
| VII. | PERSEMBAHAN | 5 | | |
| 22. | Persembahan yang kemas : a) Slaid pembentangan yang jelas b) Turutan slaid yang logikal c) Menepati masa yang diperuntukkan d) Penampilan kumpulan | 3 | | |
| 23. | Persembahan yang jelas : a) Intonasi suara b) Hubungan mata dan Bahasa tubuh c) Penggunaan alatan persembahan yang berkesan | 2 | | |
| | JUMLAH | 100 | | |

| |
|---|
| Masa Persembahan (30 minit) : |
| 5 minit (Persediaan & Montaj) ; 15 minit (Persembahan) & 10 minit (Sesi soal jawab) |

| Skala Penilaian | | | | |
|------------------------|--------------------|-------------|------------------|------------------|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Lemah | Kurang Baik | Baik | Amat Baik | Cemerlang |

| Demerit | |
|---|----------|
| Penghantaran dokumen yang lewat | 5 markah |
| Tidak menepati masa (seperti Kriteria 22) | 2 markah |

JUMLAH MARKAH KESELURUHAN

(Arahan: Borang penilaian ini perlu dicetak dan diedarkan kepada setiap seorang Juri yang dilantik semasa Konvensyen KIK dilaksanakan. Penilaian secara berkomputer yang menepati kriteria dan sub-kriteria dan disahkan oleh InQKA juga boleh digunakan. InQKA).



| BORANG PENILAIAN INOVASI KIK UiTM 3.0 | | | | |
|---------------------------------------|------------|--|----------------|-----|
| Tajuk Projek | | | | |
| Bidang Inovasi | Sosial | | Pengurusan | P&P |
| Kategori Inovasi | Penciptaan | | Penambahbaikan | |

| Skala Penilaian | | | | |
|-----------------|-------------|------|-----------|-----------|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Lemah | Kurang Baik | Baik | Amat Baik | Cemerlang |

| | KRITERIA | Pemberat (a) | Markah (Maksima 5) (b) | Jumlah Markah (a) X (b) |
|----|-----------------------------------|-----------------|------------------------------|----------------------------|
| 1. | Kreativiti | 10 | | |
| 2. | Relevan | 15 | | |
| 3. | Signifikan | 15 | | |
| 4. | Keberkesanan | 15 | | |
| 5. | Kelestarian | 20 | | |
| 6. | Kualiti & Pengiktirafan | 10 | | |
| 7. | Potensi Replikasi/Pengkomersialan | 15 | | |
| | | 100 | | |

Sumber: AICT Sektor Awam, MAMPU (2016)

| Skala Penilaian | | | | |
|-----------------|-------------|------|-----------|-----------|
| 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Lemah | Kurang Baik | Baik | Amat Baik | Cemerlang |

JUMLAH MARKAH KESELURUHAN

(Arahan: Borang penilaian ini perlu dicetak dan diedarkan kepada setiap seorang Juri yang dilantik semasa Konvensyen KIK dilaksanakan. InQKA).

Pendahuluan

Pengurusan KIK UiTM komited dalam pembudayaan dan pemerksaan inovasi melalui pelaksanaan KIK UiTM 3.0.

Dalam konteks pemberian pengiktirafan dan ganjaran kepada KIK yang telah melaksanakan projek senarai anugerah diwujudkan sama ada dalam bentuk monetry atau bukan monetry. Anugerah-anugerah ini boleh diberi kepada KIK, ahli KIK dan individu atau pihak yang terlibat menjayakan KIK dalam Persembahan Pengurusan/Konvensyen KIK Jabatan, Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon dan Konvensyen KIK Peringkat UiTM mengikut kesesuaiannya.

Senarai Anugerah KIK UiTM 3.0

Berikut adalah senarai 31 Anugerah KIK yang diwujudkan untuk panduan penganjur:

| Bil | Kategori/ Bentuk | Kriteria Umum |
|-----|--|---|
| 1 | Johan KIK (Piala, wang tunai dan sijil) | Hadiah Utama |
| 2 | Naib Johan KIK (Piala, wang tunai dan sijil) | |
| 3 | Ketiga KIK (Piala, wang tunai dan sijil) | |
| 4 | KIK Berpotensi (Piala, wang tunai dan sijil) | |
| 5 | Anugerah Penjimatan Kos Sebenar Terbaik (Piala, wang tunai dan sijil) | <ul style="list-style-type: none"> Berdasarkan bukti yang dilampirkan dan disahkan |
| 6 | Anugerah Penjanaan Pendapatan Sebenar Terbaik (Piala, wang tunai dan sijil) | <ul style="list-style-type: none"> Berdasarkan bukti yang dilampirkan dan disahkan |
| 7 | Anugerah Istiqamah KIK (Piala, wang tunai dan sijil) | <ul style="list-style-type: none"> Baru ditubuhkan; < 2 tahun Bilangan projek yang telah dipertandingkan oleh kumpulan adalah < 3 termasuk projek yang dipertandingan pada konvensyen semasa Tidak memenangi mana-mana kategori pada konvensyen semasa |
| 8 | Anugerah Fasilitator Terbaik (Piala dan sijil) | <ul style="list-style-type: none"> Berdasarkan penilaian yang diisi oleh ketua kumpulan setelah berbincang dengan ahli kumpulan (UiTM-InQKA (KIK) B.06) Sesi soal jawab setelah persembahan kumpulan selesai |
| 9 | Anugerah Dokumentasi Terbaik (Piala dan sijil) | <ul style="list-style-type: none"> Isi kandungan Susunan laporan Jelas dan mudah difahami Grafik yang bersesuaian |
| 10 | Anugerah Persembahan Terbaik (Piala dan sijil) | <ul style="list-style-type: none"> Penilaian Panel Penilai yang dilantik dan sub kriteria 22 dan 23 (Peringkat Zon) dan sub kriteria 15 dan 16 (Peringkat UiTM) |

| Bil | Kategori/ Bentuk | Kriteria Umum |
|-----|---|---|
| 11 | Anugerah Pembentang Lelaki Terbaik (Sijil) | <ul style="list-style-type: none"> Berdasarkan kepada persetujuan para penilai konvensyen |
| 12 | Anugerah Pembentang Wanita Terbaik (Sijil) | <ul style="list-style-type: none"> Berdasarkan kepada persetujuan para penilai konvensyen |
| 13 | Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi Sosial (Sijil) | <p>Priority ranking" Anugerah 13 – 30.</p> <p>"Priority ranking" adalah berdasarkan markah minima 550 dan lebih (peringkat zon) dan 700 dan lebih (peringkat UiTM). Sekira berlakunya persamaan markah, maka impak dan keaslian projek akan diambil kira dan akan ditentukan oleh Panel Penilai</p> |
| 14 | Anugerah KIK PRIMER terbaik Bidang Inovasi Sosial (Kategori Penciptaan) (Sijil) | |
| 15 | Anugerah KIK PRIMER terbaik Bidang Inovasi Sosial (Kategori Penambahbaikan) (Sijil) | |
| 16 | Anugerah KIK HIBRID Terbaik Inovasi Sosial (Sijil) | |
| 17 | Anugerah KIK HIBRID terbaik Bidang Inovasi Sosial (Kategori Penciptaan) (Sijil) | |
| 18 | Anugerah KIK HIBRID terbaik Bidang Inovasi Sosial (Kategori Penambahbaikan) (Sijil) | |
| 19 | Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi Pengurusan (Sijil) | |
| 20 | Anugerah KIK PRIMER terbaik Bidang Inovasi Pengurusan (Kategori Penciptaan) (Sijil) | |
| 21 | Anugerah KIK PRIMER terbaik Bidang Inovasi Pengurusan (Kategori Penambahbaikan) (Sijil) | |
| 22 | Anugerah KIK HIBRID Terbaik Inovasi Pengurusan (Sijil) | |
| 23 | Anugerah KIK HIBRID terbaik Bidang Inovasi Pengurusan (Kategori Penciptaan) (Sijil) | |
| 24 | Anugerah KIK HIBRID terbaik Bidang Inovasi Pengurusan (Kategori Penambahbaikan) (Sijil) | |
| 25 | Anugerah KIK PRIMER Terbaik Inovasi P&P (Sijil) | |
| 26 | Anugerah KIK PRIMER terbaik Bidang Inovasi P&P (Kategori Penciptaan) (Sijil) | |

| Bil | Kategori/ Bentuk | Kriteria Umum |
|------------|--|---|
| 27 | Anugerah KIK PRIMER terbaik Bidang Inovasi P&P (Kategori Penambahbaikan) (Sijil) | |
| 28 | Anugerah KIK HIBRID Terbaik Inovasi P&P (Sijil) | |
| 29 | Anugerah KIK HIBRID terbaik Bidang Inovasi P&P (Kategori Penciptaan) (Sijil) | |
| 30 | Anugerah KIK HIBRID terbaik Bidang Inovasi P&P (Kategori Penambahbaikan) (Sijil) | |
| 31 | Anugerah Emas, Perak dan Gangsa | Sijil dan Medal (Medal hanya diberi 1 sahaja – selebihnya perlu dibeli oleh peserta) |

Komitmen Pengurusan

Walau bagaimanapun, pemberian kategori dan bentuk anugerah ini adalah tertakluk kepada penyertaan atau pencalonan yang diterima oleh penganjur dalam satu-satu penganjuran.

Penganjur

JPKIK akan memilih penganjur bagi setiap zon bagi mengendalikan Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon pada setiap akhir tahun. Pembahagian zon untuk penganjuran ini adalah seperti dijelaskan berikut:

| Zon | Cawangan UiTM |
|------------|------------------------------------|
| Utara | Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak |
| Selatan | Negeri Sembilan, Melaka, Johor |
| Timur | Pahang, Terengganu, Kelantan |
| Tengah | Selangor |
| Sabah | Sabah |
| Sarawak | Sarawak |

Penganjur yang dipilih adalah bertanggungjawab untuk mengendalikan pembentangan projek KIK peserta dan mengurus acara serta menyediakan logistik yang diperlukan berpandukan peraturan penganjuran yang ditetapkan oleh JPKIK termasuk syarat-syarat penyertaan KIK, pemilihan Juri dan penilaian projek KIK juga penyediaan pengiktirafan dan ganjaran kepada peserta Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon.

Objektif Penganjuran

Objektif penganjuran Konvensyen KIK UiTM peringkat Zon adalah seperti berikut:

- a) Menyediakan ruang untuk KIK UiTM berkongsi mengenai pelaksanaan projek dan inovasi yang dihasilkan;
- b) Memberi ganjaran dan pengiktirafan kepada staf yang terlibat dalam KIK;
- c) Memilih KIK yang berpotensi untuk mewakili zon ke Konvensyen KIK Peringkat UiTM; dan
- d) Meyakinkan warga UiTM bahawa aktiviti KIK adalah salah satu mekanisma transformasi UiTM.

Syarat-syarat Penyertaan

Syarat-syarat penyertaan Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon adalah seperti berikut:

- a) Penyertaan adalah terbuka kepada KIK jabatan yang mewakili Cawangan UiTM dalam zon berkenaan;
- b) KIK jabatan yang terpilih hendaklah memuatnaik Maklumat Kumpulan dan Ringkasan Projek dalam Portal SPKIK selewat-lewatnya empat (4) minggu sebelum tarikh konvensyen akan diadakan;
- c) Projek yang dihasilkan mestilah merupakan projek yang terbaru dan terkini. Jika projek lepas yang ditambahbaik hendaklah telah melampui dua (2) tahun daripada projek asal;

- d) Projek KIK yang bakal dipersembahkan hendaklah merupakan projek yang telah **SELESAI** dijalankan sebelum tarikh akhir penyerahan dokumentasi projek kepada penganjur;
- e) Projek yang bakal dipersembahkan **MESTILAH BELUM PERNAH** dipersembahkan dalam mana-mana Konvensyen KIK atau mana-mana pertandingan inovasi anjuran UiTM dan/atau organisasi luar; dan
- f) Dokumen lengkap projek hendaklah muatnaik dalam Portal SPKIK selewat-lewatnya satu (1) minggu sebelum tarikh konvensyen akan diadakan.

Peraturan-peraturan Penganjuran

Peraturan-peraturan penganjuran Konvensyen KIK UiTM peringkat zon adalah seperti berikut:

- a) Penganjur hendaklah mengemukakan tarikh sebenar konvensyen akan diadakan (bulan Ogos setiap tahun) kepada InQKA selewat-lewatnya pada bulan Mei tahun berkenaan;
- b) Kertas kerja permohonan penganjuran dan anggaran kos penganjuran hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada InQKA oleh penganjur pada bulan Mei tahun berkenaan;
- c) Penganjur hendaklah mengeluarkan surat tawaran penyertaan ke Konvensyen KIK UiTM peringkat Zon kepada Cawangan UiTM dalam zon masing-masing selewat-lewatnya enam (6) minggu sebelum tarikh konvensyen akan diadakan;
- d) Penganjur hendaklah memastikan bahawa KIK yang dicalonkan oleh Cawangan UiTM untuk menyertai konvensyen telah memenuhi syarat-syarat penyertaan yang termaktub dalam peraturan penganjuran ini.
- e) Surat kelulusan penyertaan konvensyen hendaklah dikeluarkan kepada pemohon yang telah mematuhi syarat-syarat penyertaan dengan pengesahan Tajuk Projek, Bidang Inovasi dan Kategori Inovasi selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum konvensyen akan diadakan;
- f) InQKA hendaklah mengeluarkan surat persetujuan penganjuran yang menyatakan jumlah peruntukan yang diberi, senarai nama Juri dan Wakil InQKA kepada penganjur selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum konvensyen akan diadakan;
- g) Penganjur hendaklah menyediakan semua kelengkapan penilaian persembahan projek KIK oleh peserta termasuk kelengkap teknikal persembahan, penjaga masa, borong dan kelengkapan penilaian, pengira markah penilaian dan ruang perbincangan keputusan konvensyen.
- h) Wakil InQKA adalah Juru Odit keputusan penilaian dan akan mengesahkan bahawa pelaksanaan konvensyen adalah mematuhi peraturan penganjuran.

- i) Penganjur hendaklah menyediakan bentuk ganjaran dan pengiktirafan kepada peserta dan menganjurkan majlis penganugerahan.
- j) Penganjur hendaklah mengemukakan laporan penganjuran dengan menyatakan jumlah penyertaan dan kos pembiayaan sebenar kepada InQKA dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh konvensyen diadakan.
- k) InQKA hendaklah memuktamatkan pembiayaan kos konvensyen dan membuat arahan pindahan peruntukan ke akaun penganjur dalam tempoh satu (1) minggu selepas laporan penganjuran diterima.

Penilaian Pembentangan Projek

Semua pembentangan projek akan dinilai menggunakan **Borang Penilaian Projek KIK UiTM 3.0** di **Lampiran C** dan inovasi KIK dinilai menggunakan **Borang Penilaian Inovasi KIK** di **Lampiran D**.

Pengiktirafan Pembentangan Projek

Pengiktirafan tahap pembentangan projek akan dianugerahkan berdasarkan jumlah markah penilaian seperti berikut:

| Kategori Anugerah | Jumlah Markah Peringkat Zon |
|-------------------|-----------------------------|
| Emas | >250 |
| Perak | 150 - 249 |
| Gangsa | <150 |

Pengiktirafan dan Ganjaran

Kategori dan bentuk pengiktirafan dan ganjaran berbentuk moneteri dan bukan moneteri disediakan untuk dianugerahkan kepada KIK dan pengiat KIK dalam satu-satu penganjuran. Kategori dan bentuk anugerah akan diputuskan bersama Juri dan Wakil InQKA yang dilantik.

Senarai anugerah KIK UiTM 3.0 di **Lampiran E** adalah sebagai panduan penyediaan kategori dan bentuk anugerah oleh penganjur Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon mengikut kesesuaian.

Borang-Borang Kegunaan Penganjuran Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon

Borang-borang bagi penganjuran Konvensyen KIK UiTM Peringkat zon adalah:

- a) Borang Permohonan Penganjuran Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon
- b) Borang Penyertaan Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon
- c) Laporan Penganjuran Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon



| BORANG PERMOHONAN PENGANJURAN KONVENSYEN KIK UITM PERINGKAT ZON | | |
|--|---|---------------|
| Butiran Pemohon | | |
| Nama Penganjur | | |
| Nama Penyelaras KIK Jabatan | Nama/Jawatan Hakiki/No. Hp/E-mel | |
| Tarikh Penganjuran | | |
| Tempat Penganjuran | | |
| Anggaran Jumlah Penyertaan KIK | | |
| Anggaran Peruntukan Yang Dipohon | | |
| Bil | Butiran & Perkiraan | Jumlah (RM) |
| 1. | Anugerah Konvensyen: | |
| 2. | Jamuan dan Keraian Konvensyen: a) Peserta: b) Jemputan: | |
| 3. | Perbelanjaan Juri: a) Tambang b) Penginapan c) Honorarium | |
| 4. | Perbelanjaan Wakil InQKA: a) Tambang b) Penginapan c) Honorarium | |
| 5. | Perbelanjaan Persiapan dan Kelengkapan Konvensyen: | |
| Jumlah Besar Anggaran Peruntukan Dipohon | | |
| Cadangan Perasmi | Gelaran>Nama/Jawatan Disandang | |
| Perakuan dan Pengesahan | Penyelaras KIK Jabatan | Ketua Jabatan |
| Nama, Tandatangan dan Cop Rasmi | | |

(Arahan: Borang ini hendaklah dikemukakan oleh penganjur yang dilantik kepada InQKA pada bulan Mei tahun penganjuran. InQKA)



| BORANG PENYERTAAN KONVENSYEN KIK UITM PERINGKAT ZON | | | | | |
|---|--|--|--|--|--------|
| Butiran Kumpulan | | | | | |
| Nama Kumpulan | | | | | |
| Tarikh Penubuhan | | | | | |
| Tarikh Pendaftaran terakhir dalam SPKIK | | | | | |
| Bentuk Kumpulan | KIK PRIMER | | KIK HIBRID | | |
| Alamat Kumpulan | | | | | |
| Pegawai Perhubungan | Nama/Jawatan Hakiki/No. Hp/E-mel | | | | |
| Nama Ketua Kumpulan | | | | | |
| Nama Fasilitator | | | | | |
| Jumlah Penyertaan | Lelaki | | Wanita | | Jumlah |
| Butiran Projek | | | | | |
| Bidang Inovasi | Sosial | | Pengurusan | | P&P |
| Kategori Inovasi | Penciptaan | | Penambahbaikan | | |
| Tajuk Projek | | | | | |
| Outcome Projek | | | | | |
| Impak Projek | | | | | |
| Jumlah Penjimatan (RM) | | | | | |
| Jumlah Penjanaan Hasil (RM) | | | | | |
| Tempoh Projek | Mula: | | Tamat: | | |
| Tarikh Projek Didaftar dalam SPKIK | | | | | |
| Perakuan dan Kelulusan Penyertaan | | | | | |
| Nama/Tandatangan & Cop Rasmi Ketua KIK | Nama/Tandatangan & Cop Rasmi Ketua Jabatan A | | Nama/Tandatangan & Cop Rasmi Ketua Jabatan B | | |
| | | | | | |

(Arahan: Borang ini hendaklah dikemukakan oleh KIK yang dicalonkan oleh Ketua Jabatan kepada penganjur seawal-lewatnya dua (2) minggu sebelum Konvensyen KIK akan dilangsungkan. InQKA)



| LAPORAN PENGANJURAN KONVENSYEN KIK UiTM PERINGKAT ZON | | | | |
|---|------------------|---|--|-----------------------------------|
| Maklumat Konvensyen | | | | |
| Nama Penganjur | | | | |
| Nama Pegawai Yang Bertanggungjawab | | Nama/Jawatan Hakiki/No. Hp/E-mel | | |
| Jumlah Jemputan | | | | |
| Jumlah Penyertaan | | Lelaki | Wanita | Jumlah |
| Tarikh/Tempat Penganjuran | | | | |
| Nama Perasmi | | Nama/Jawatan Disandang | | |
| Jumlah Pembiayaan InQKA | | RM | | |
| Jumlah Pembiayaan tambahan (jika ada) | | RM | | |
| Maklumat Penyertaan KIK & Pencapaian | | | | |
| Bil | Nama KIK | Jabatan | Anugerah Pembentangan | Pengiktirafan & Ganjaran Diterima |
| 1. | | | | |
| 2. | | | | |
| 3. | | | | |
| 4. | | | | |
| 5. | | | | |
| 6. | | | | |
| 7. | | | | |
| 8. | | | | |
| 9. | | | | |
| 10. | | | | |
| Senarai Anugerah Individu | | | | |
| Bil | No. Pekerja>Nama | Jawatan Hakiki | Anugerah Diterima | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| Perakuan dan Pengesahan | | Nama Pelapor Nama/Jawatan/Tandatangan & Cop Rasmi | Ketua Jabatan Nama/Jawatan/Tandatangan & Cop Rasmi | |

(Arahan: Penerbitan-penerbitan mengenai penganjuran konvensyen terutama, aturcara dan buku konvensyen mesti disertakan bersama-sama boring laporan ini. Laporan yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan penganjur hendaklah dikemukakan kepada InQKA selewat-lewatnya dua (2) minggu setelah Konvensyen KIK dilangsungkan. InQKA)

Penganjur

InQKA adalah penganjur Konvensyen KIK Peringkat UiTM dan penganjur bersama oleh jabatan yang akan dipilih oleh JPKIK. Penganjuran tahunan ini adakah pada bulan November setiap tahun.

InQKA sebagai penganjur konvensyen adalah bertanggungjawab untuk:

- a. Menyediakan peruntukan penganjuran
- b. Menganggotai Jawatan Kuasa Penganjuran Konvensyen
- c. Memilih dan melantik Jawatan Kuasa Pemilihan untuk menentukan KIK dan Peserta Simpanan ke konvensyen
- d. Mengenalpasti, melantik dan menjemput Panel Penilai dan Juri Dalam konvensyen
- e. Mengeluarkan jemputan kepada peserta konvensyen dan menerima 'hardcopy' slaid pembentangan projek peserta serta mengedarkannya kepada Panel Penilai Konvensyen
- f. Mengurus penilaian pembentangan projek, iaitu; mengumpul borang penilaian, menjumlah dan mengodit markah penilaian
- g. Menyediakan katogeri dan bentuk anugerah dan menentukan penerima anugerah bersama Panel Penilai dan Juri Dalam.
- h. Mengendali penganugerahan anugerah sampingan yang sesuai disediakan bersama Pakar Rujuk KIK UiTM
- i. Mengumumkan penerima anugerah dan mengurus pemberian anugerah.
- j. Menyediakan laporan penganjuran

Penganjur Bersama Konvensyen yang dipilih adalah bertanggungjawab sebagai Pengurus Konvensyen, iaitu;

- a. Menubuhkan Jawatan Kuasa Penganjuran Konvensyen dan menentukan petugas-petugas konvensyen
- b. Mengurus persiapan konvensyen termasuk promosi konvensyen, persiapan tempat dan penyediaan logistik
- c. Mengurus penginapan peserta dan jemputan,
- d. Mengurus keraian konvensyen
- e. Mengendalikan aturcara konvensyen termasuk mengendali majlis perasmian konvensyen, menyelaras pembentangan projek KIK dan mengendalikan majlis penganugerahan konvensyen

Objektif Penganjuran

Objektif penganjuran Konvensyen KIK peringkat UiTM adalah seperti berikut:

- a) Menyediakan ruang untuk KIK UiTM berkongsi mengenai pelaksanaan projek dan inovasi yang dihasilkan;
- b) Memberi ganjaran dan pengiktirafan kepada staf yang terlibat dalam KIK;
- c) Memilih KIK yang berpotensi untuk mewakili UiTM ke Konvensyen KIK dan pertandingan inovasi anjuran luar di dalam dan luar negara; dan
- d) Meyakinkan warga UiTM bahawa aktiviti KIK adalah salah satu mekanisma transformasi UiTM.

Peserta Konvensyen

Dua puluh (20) KIK yang mempunyai kelayakan akan dijemput sebagai peserta ke Konvensyen KIK Peringkat UiTM, iaitu:

- a) Lima belas (15) yang telah menyandang Johan, Naib Johan dan tempat Ketiga dan dua (2) menerima ANUGERAH EMAS di Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon;
- b) Lima (5) KIK yang menghasilkan inovasi KIK berpotensi untuk pengembangan projek dan menerima ANUGERAH EMAS di Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon. KIK ini dipilih oleh Jawatan Kuasa Pemilih yang dilantik oleh InQKA. Jawatan Kuasa Pemilih akan juga menyenaraikan peserta simpanan mengikut keutamaan.
- c) KIK dimestikan telah memperolehi perlindungan harta intelek ke atas inovasi KIK yang dihasilkan.
- d) Jika berlaku penarikan diri atau pembatalan kelayakan di kalangan KIK di (i) dan (ii) maka Jawatan Kuasa Pemilih akan menyediakan peserta simpanan mengikut kouta penyertaan di Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon. Formula pengiraan kouta adalah seperti berikut:

$$\left(\frac{\text{Penyertaan Konvensyen KIK (Zon)}}{\text{Jumlah Keseluruhan Penyertaan KIK (Zon)}} \right) \times \left(20 \text{ KIK} \right)$$

- e) KIK yang terpilih hendaklah mengemaskini Maklumat Kumpulan dan Ringkasan Projek dalam Portal SPKIK selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum tarikh konvensyen akan diadakan;
- f) Selain daripada menyedia dan mengemukakan empat (4) salinan 'hardcopy' slaid pembentangan projek terkini kepada penganjur, KIK dikehendaki memuatnaik slaid ini dalam Portal SPKIK selewat-lewatnya satu (1) minggu sebelum tarikh konvensyen akan diadakan.

Proses Penganjuran

Proses penganjuran Konvensyen KIK peringkat UiTM adalah seperti berikut:

- a) InQKA menyediakan kertas kerja peruntukan dan mendapatkan peruntukan penganjuran konvensyen daripada pengurusan UiTM;
- b) InQKA menetapkan tarikh sebenar konvensyen akan diadakan;
- c) InQKA mempengerusikan mesyuarat Jawatan Kuasa Penganjuran Konvensyen yang dihadiri Penganjur Bersama Konvensyen;
- d) InQKA mengenalpasti dan melantik Panel Penilai konvensyen dan Juri Dalaman Konvensyen;
- e) InQKA mengadakan mesyuarat Jawatan Kuasa Pemilih seminggu setelah Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon terakhir diadakan atau selewat-lewatnya empat (4) minggu sebelum tarikh konvensyen akan diadakan;
- f) InQKA hendaklah mengeluarkan jemputan kepada peserta konvensyen sebaik sahaja senarai peserta ditentukan atau selewat-lewatnya tiga (3) minggu sebelum tarikh konvensyen berlangsung;
- g) InQKA menerima dan mengagihkan dokumen pembentangan projek KIK peserta kepada Panel Penilaian selewat-lewatnya dua (2) hari sebelum tarikh konvensyen berlangsung;
- h) InQKA mengendalikan pengurusan penilaian pembentangan projek KIK dan mengumumkan pemenang anugerah
- i) Penganjur Bersama Konvensyen hendaklah memulakan gerakkerja penganjuran setelah menerima keputusan mesyuarat penganjuran bersama InQKA
- j) Penganjur Bersama Konvensyen melaksanakan tugas mengendalikan konvensyen seperti yang tersebut diatas;
- k) InQKA menguruskan pemberian anugerah kepada pemenang;
- l) InQKA menyediakan laporan penganjuran Konvensyen.

Penilaian Pembentangan Projek

Semua pembentangan projek akan dinilai menggunakan **Borang Penilaian Projek KIK UiTM 3.0** di **Lampiran C** dan inovasi KIK dinilai menggunakan **Borang Penilaian Inovasi KIK** di **Lampiran D**.

Pengiktirafan Pembentangan Projek

Pengiktirafan tahap pembentangan projek akan dianugerahkan berdasarkan jumlah markah penilaian seperti berikut:

| Kategori Anugerah | Jumlah Markah Peringkat UiTM |
|--------------------------|-------------------------------------|
| Emas | >400 |
| Perak | 200-399 |
| Gangsa | <199 |

Pengiktirafan dan Ganjaran

Kategori dan bentuk pengiktirafan dan ganjaran berbentuk monetary dan bukan monetary disediakan untuk dianugerahkan kepada KIK dan pengiat KIK berdasarkan penilaian dan kriteria yang telah ditetapkan. InQKA bersama Panel Penilai dan Juri Dalam konvensyen adalah bertanggungjawab mengenai penganugerahan ini.

Senarai anugerah KIK UiTM 3.0 di **Lampiran E** adalah sebagai panduan penyediaan kategori dan bentuk anugerah mengikut kesesuaian.

Borang-Borang Kegunaan Penganjuran Konvensyen KIK Peringkat UiTM

Borang-borang bagi penganjuran Konvensyen KIK Peringkat UiTM adalah:

- a) Borang Penyertaan Konvensyen KIK Peringkat UiTM



| BORANG PENYERTAAN KONVENSYEN KIK PERINGKAT UITM | | | | | |
|---|--|--|--|--|--------|
| Butiran Kumpulan | | | | | |
| Nama Kumpulan | | | | | |
| Tarikh Penubuhan | | | | | |
| Tarikh Kemaskini terakhir dalam SPKIK | | | | | |
| Bentuk Kumpulan | KIK PRIMER | | KIK HIBRID | | |
| Alamat Kumpulan | | | | | |
| Pegawai Perhubungan | Nama/Jawatan Hakiki/No. Hp/E-mel | | | | |
| Nama Ketua Kumpulan | | | | | |
| Nama Fasilitator | | | | | |
| Jumlah Penyertaan | Lelaki | | Wanita | | Jumlah |
| Butiran Projek | | | | | |
| Bidang Inovasi | Sosial | | Pengurusan | | P&P |
| Kategori Inovasi | Penciptaan | | Penambahbaikan | | |
| Tajuk Projek | | | | | |
| Outcome Projek | | | | | |
| Impak Projek | | | | | |
| Jumlah Penjimatan | RM | | | | |
| Jumlah Penjanaan Hasil | RM | | | | |
| Tempoh Projek | Mula: | | Tamat: | | |
| Tarikh Kemaskini Projrk Terakhir dalam SPKIK | | | | | |
| Perakuan dan Kelulusan Penyertaan | | | | | |
| Nama/Tandatangan & Cop Rasmi Ketua KIK | Nama/Tandatangan & Cop Rasmi Ketua Jabatan A | | Nama/Tandatangan & Cop Rasmi Ketua Jabatan B | | |
| | | | | | |

(Arahan: Borang ini hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan terlibat dan dikemukakan kepada penganjur selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum Konvensyen KIK akan dilangsungkan. InQKA)

Wakil UiTM

InQKA akan mengeluarkan keputusan rasmi Konvensyen KIK peringkat UiTM dan pilihan wakil rasmi UiTM ke Konvensyen KIK atau pertandingan inovasi anjuran organisasi luar dalam dan luar negara untuk pengiktirafan dan pengembangan projek.

Walau bagaimanapun, KIK yang lain boleh menyertai konvensyen KIK atau pertandingan inovasi anjuran anjuran organisasi luar dalam dan luar negara dengan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing. Penyelaras KIK Jabatan berkenaan hendaklah melaporkan penyertaan ini menggunakan borang yang disediakan kepada InQKA.

Peruntukan Penyertaan

KIK yang bercadang untuk menyertai Konvensyen KIK atau pertandingan inovasi anjuran organisasi luar dalam dan luar negara dan memerlukan peruntukan penyertaan boleh memohon kepada sama ada Ketua Jabatan atau Pengurusan UiTM melalui InQKA. Jika memohon kepada Pengurusan UiTM melalui InQKA, KIK hendaklah menggunakan borang yang disediakan.

Walau bagaimanapun, kelulusan peruntukan penyertaan adalah tertakluk kepada kelulusan pengurusan UiTM.

Proses Permohonan Peruntukan Penyertaan

Berikut adalah proses permohonan peruntukan untuk menyertai Konvensyen KIK atau Pertandingan inovasi anjuran organisasi luar dalam dan luar negara untuk panduan KIK berkenaan:

- a) KIK menerima tawaran atau bercadang untuk menyertai Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi.
- b) KIK menyediakan kertas kerja memohon kelulusan dan peruntukan untuk menyertai Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi kepada Ketua Jabatan.
- c) Ketua Jabatan mempertimbangkan permohonan kelulusan dan peruntukan untuk menyertai Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi. Jika Ketua Jabatan meluluskan penyertaan dengan peruntukan, KIK boleh terus menyertai Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi. Jika Ketua Jabatan tidak meluluskan penyertaan, proses tamat.
- d) Jika Ketua Jabatan hanya memberi kelulusan tanpa peruntukan penyertaan, KIK boleh memohon peruntukan kepada pengurusan UiTM melalui InQKA.
- e) KIK melengkapkan dan mengemukakan borang permohonan peruntukan untuk menyertai Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi kepada Pengurusan UiTM melalui InQKA.

- f) InQKA memberi syor dan mengemukakan permohonan KIK kepada Bendahari UiTM.
- g) Bendahari UiTM mempertimbangkan permohonan.
- h) InQKA akan memaklumkan keputusan Bendahari UiTM kepada KIK. Jika Bendahari UiTM meluluskan peruntukan maka KIK boleh menyertai Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi menggunakan peruntukan yang diluluskan.
- i) Jika Bendahari UiTM tidak meluluskan peruntukan penyertaan tetapi KIK bertekad untuk menyertai Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi maka KIK diizinkan dengan menggunakan kelulusan menyertai Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi dari Ketua Jabatan.
- j) KIK menyertai Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi menggunakan nama dan imej UiTM.
- k) KIK dikehendaki mengemukakan laporan penyertaan ke Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi dalam tempoh dua (2) minggu setelah Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi yang dihadiri tamat.


Carta alir permohonan peruntukan bagi menyertai Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi anjuran organisasi luar di dalam atau luar negara adalah seperti berikut.

Borang-borang Yang Digunakan

Borang-borang berikut hendaklah digunakan oleh KIK untuk memohon peruntukan menyertai Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi anjuran organisasi luar dalam atau luar negara:

- a) Borang Permohonan Peruntukan bagi menyertai Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi anjuran organisasi luar di dalam atau luar negara.
- b) Borang Laporan Penyertaan Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi anjuran organisasi luar di dalam atau luar negara.

CARTA ALIR PERMOHONAN PERUNTUKAN BAGI MENYERTAI KONVENSYEN KIK ATAU PERTANDINGAN INOVASI ANJURAN ORGANISASI LUAR



**** Permohonan perlu dihantar selewat-lewatnya sebulan (30 hari) sebelum tarikh pertandingan**



| PERMOHONAN PERUNTUKAN BAGI MENYERTAI KONVENSYEN KIK ATAU PERTANDINGAN INOVASI ANJURAN ORGANISASI LUAR | | | | | |
|--|----------------------------------|--|--------|---------------|-------------|
| Maklumat Pemohon | | | | | |
| Nama Pemohon | Nama/Jawatan Hakiki/No. Hp/E-mel | | | | |
| Alamat Pemohon | | | | | |
| Nama KIK | | | | | |
| Tarikh Ditubuhkan | | | | | |
| Tajuk Projek | | | | | |
| Outcome dan Impak Projek | | | | | |
| Pengiktirafan Dalam UiTM | | | | | |
| Pengiktirafan Luar UiTM | | | | | |
| Potensi Replikasi | Nama Agensi | | | | |
| Potensi Pengkomersialan | Nama Agensi | | | | |
| Jumlah Peserta | Lelaki | | Wanita | | Jumlah |
| Maklumat Konvensyen Atau Pertandingan | | | | | |
| Nama Konvensyen/Pertandingan | | | | | |
| Organisasi Penganjur | | | | | |
| Pegawai Perhubungan Penganjur | Nama/Jawatan Hakiki/No. Hp/E-mel | | | | |
| Tarikh/Tempat Penganjuran | | | | | |
| Butiran Permohonan Peruntukan Penyertaan | | | | | |
| Bil | Butiran & Perkiraan | | | | Jumlah (RM) |
| 1. | Yuran Penyertaan | | | | |
| 2. | Elaun Tugas Rasmi Peserta | | | | |
| 3. | Penyediaan Keperluan Penyertaan | | | | |
| Jumlah Besar Anggaran Peruntukan Dipohon | | | | | |
| Pengesahan & Sokongan | Pemohon | | | Ketua Jabatan | |
| Nama/Jawatan/Tandatangan & Coprasmi | | | | | |

(Arahan: Borang ini hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan terlibat dan dikemukakan kepada InQKA selewat-lewatnya Satu (1) bulan sebelum Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi akan dilangsungkan. Surat Tawaran Menyertai atau promosi program dan Surat Kelulusan Penyertaan dari Ketua Jabatan hendaklah disertakan. InQKA)



| LAPORAN PENYERTAAN KONVENSYEN KIK ATAU PERTANDINGAN INOVASI ANJURAN ORGANISASI LUAR | | |
|--|--------------------------|---------------|
| Maklumat Konvensyen Atau Pertandingan | | |
| Nama Konvensyen/Pertandingan | | |
| Tarikh/Tempat Dianjurkan | | |
| Faedah Penyertaan | | |
| Peserta Konvensyen Atau Pertandingan | | |
| Nama Kumpulan | | |
| Alamat Kumpulan | | |
| Nama Ketua KIK | Nama/Jawatan/No. Hp/Emel | |
| Nama Fasilitator | Nama/Jawatan/No. Hp/Emel | |
| Pengiktirafan Yang Diperolehi | | |
| Peruntukan Penyertaan | | |
| Jumlah Belanja Sebenar | RM | |
| Jumlah Peruntukan Yang Diperolehi dari Jabatan/UiTM | RM | |
| Jumlah Pembiayaan Tajaan/Sendiri | RM | |
| Perakuan & Pengesahan | Pelapor | Ketua Jabatan |
| Nama/Jawatan/Tandatangan & Coprasmi | | |

(Arahan: Borang ini hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan terlibat dan dikemukakan kepada InQKA dalam tempoh dua (2) minggu setelah Konvensyen KIK atau Pertandingan Inovasi berlangsung. Dokumen program, salinan pengiktirafan dan gambar penyertaan hendaklah dilampirkan.. InQKA)

Pengembangan Projek KIK

Pengembangan Projek KIK bermaksud aktiviti mempromosi inovasi KIK yang dihasilkan untuk digunapakai ke seluruh jabatan, Cawangan UiTM atau agensi luar yang mempunyai fungsi dan objektif yang sama secara replikasi atau pengkomersialan.

Replikasi

Replikasi secara umumnya adalah proses menghasilkan salinan yang sama bagi kegunaan atau mengadaptasikan inovasi KIK yang memberi manfaat agensi berkenaan mengikut kesesuaian dan keperluan pihak-pihak yang berkenaan.

Replikasi inovasi KIK menumpukan kepada pendekatan perkongsian dan penghubung antara pihak yang berminat bagi mengoptimumkan potensi inovasi yang dihasilkan untuk kecemerlangan perkhidmatan dan kesejahteraan pelanggan.

Kaedah replikasi boleh dilaksanakan dengan dua pendekatan, iaitu secara proaktif dan reaktif seperti yang dijelaskan dalam pelaksanaan Fasa Pengembangan Projek KIK UiTM 3.0.

Sekiranya sesuatu inovasi KIK dicadangkan untuk replikasi maka ia tidak perlu dipohon untuk pengkomersialan. Mana-mana pihak yang ingin mengenakan caj atau sebarang bayaran untuk replikasi inovasi KIK, maka pihak berkenaan perlu mencapai persetujuan bersama supaya dapat memelihara kepentingan pihak yang terlibat.

Pengkomersialan

Pengkomersialan merupakan aktiviti penjana pendapatan melalui inovasi KIK yang dihasilkan oleh KIK. Aktiviti ini meliputi penentuan kaedah penjualan, pelesenan, penyerahan hak, pengembangan (spin-off), pengilangan dan usaha sama atau francais oleh KIK sebagai pemilik inovasi KIK dan pihak yang terlibat.

Pengkomersialan inovasi KIK memberi fokus terhadap tiga (3) pendekatan utama, iaitu mendidik, memudah cara dan menghubungkan di antara agensi yang berminat dengan KIK.

Oleh kerana, pengkomersialan ini melibatkan kewangan dan isu pemilikan dan kepentingan, maka aktiviti ini adalah tertakluk kepada dasar dan peraturan yang berkuatkuasa di UiTM.

RIBU dan RMI adalah entiti dalam UiTM yang perlu dirujuk untuk kelangsungan mengoptimumkan potensi inovasi KIK.

Proses Pengembangan Projek

Proses utama pengembangan projek KIK UiTM 3.0 adalah persetujuan di antara pemilik inovasi, Ketua Jabatan dan agensi atau pihak yang berminat dengan tertakluk kepada dasar dan peraturan pemilikan dan kepentingan harta intelek di UiTM. Dasar dan peraturan UiTM yang berkuatkuasa dalam konteks ini perlu dihalusi dan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.

Cadangan pengembangan projek ini perlu dikemukakan kepada InQKA untuk dipohon kelulusan terutama apabila kenaan caj replikasi atau pengkomersialan inovasi KIK.

Borang Yang Diguna

Borang Cadangan Pengembangan Inovasi KIK perlu digunakan oleh KIK apabila aktiviti pengembangan projek hendak dilaksanakan.

Selain daripada itu, borang RIBU UiTM bagi pengkomersialan produk hendaklah digunakan.



| BORANG CADANGAN PENGEMBANGAN INOVASI KIK | | |
|---|----------------------------------|---------------|
| Maklumat Pemohon | | |
| Nama Pemohon | Nama/Jawatan Hakiki/No. Hp/E-mel | |
| Alamat Pemohon | | |
| Nama KIK | | |
| Tarikh Ditubuhkan | | |
| Tajuk Inovasi | | |
| Keterangan Inovasi (tidak melebihi 50 perkataan) | | |
| No. Rujukan IP | | |
| Nama Pemilik Inovasi Berdaftar | | |
| Pengiktirafan Dalaman UiTM | | |
| Pengiktirafan Luar UiTM | | |
| Potensi Replikasi | Nama Agensi | |
| Nilai Caj satu Replikasi | RM | |
| Potensi Pengkomersialan | Nama Agensi | |
| Nilai Penjanaaan Hasil | RM | |
| Pengesahan & Sokongan | Pemilik Inovasi | Ketua Jabatan |
| Nama/Jawatan/Tandatangan & Coprasmi | | |

(Arahan: Borang ini hendaklah disokong oleh Pemilik Inovasi dan Ketua Jabatan terlibat. Borang yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada InQKA untuk dibentangkan kepada pengurusan UiTM sebelum pengembangan inovasi dibuat, terutama kepada pihak luar UiTM. InQKA)

RUJUKAN

1. Garispanduan Proses Pengurusan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di Universiti Teknologi MARA 10/7/2014 / InQKA.
2. Garis Panduan Pelaksanaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di Universiti Teknologi MARA Jun 2010 / Pendaftar.
3. Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016 Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif.
4. Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) MAMPU 2016
5. Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK 11): Pelan Strategik Universiti Teknologi MARA 2016-2020.
6. Design Thinking, <https://www.youtube.com/watch?v=yaccMIZyiQo>
7. Blue Ocean Strategy,
https://malaysia.video.search.yahoo.com/search/video;_ylt=A2oKmJgdhSZaaXMAyxvjPwx.;_ylu=X3oDMTE0NTcyOGI3BGNvbG8Dc2czBHBvcwMxBHZ0aWQDQjA5MDZfMQRzZWMDcGI2cw--?p=blue+ocean+strategy&fr=yfp-t-s&fr2=piv-web#id=15&vid=45263fe2b11e20b410993ae346efda71&action=view

---- Garis Panduan Pelaksanaan KIK UiTM 3.0 -----

TAMBAHAN

Merujuk kepada Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti bertarikh 15 Januari 2020 berkenaan dengan Syarat-Syarat Penyertaan di mukasurat 61 berikut adalah pindaan yang telah diluluskan dalam mesyuarat tersebut.

GARIS PANDUAN PELAKSANAANKUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF Universiti Teknologi MARA (KIK UiTM 3.1)

Keluaran 01; Pindaan 01; Tarikh 15 /01/2020

Syarat-syarat Penyertaan

Syarat-syarat penyertaan Konvensyen KIK UiTM Peringkat Zon adalah seperti berikut:

- a) Penyertaan adalah dibuka kepada semua KIK Primer dan KIK Hibrid yang didaftarkan di Universiti Teknologi MARA;
- b) Permohonan penyertaan adalah dengan memuatnaik Maklumat Kumpulan dan Ringkasan Projek dalam Portal SPKIK selewat-lewatnya empat (4) minggu sebelum tarikh Konvensyen akan diadakan;
- c) Projek yang dihasilkan mestilah merupakan projek yang terbaharu dan terkini. Jika projek lepas yang ditambahbaik hendaklah telah melampui dua (2) tahun daripada projek asal;
- d) Projek KIK yang dicalonkan hendaklah projek yang telah **SELESAI** dijalankan, iaitu; Fasa Penghasilan, Fasa Pengiktirafan dalaman jabatan dan sekurang-kurangnya mempunyai perancangan dan menjejaskan potensi Fasa Pengembangan sebelum tarikh akhir penyerahan dokumentasi projek kepada penganjur;
- e) Inovasi projek adalah yang terbaharu dan terkini. Ia bermaksud inovasi yang dihasilkan adalah terbaharu dan belum pernah dibentangkan dalam mana-mana konvensyen KIK dan/atau pertandingan inovasi ATAU inovasi projek telah memanfaatkan 'inovasi konsep/idea' sedia ada di UiTM/agensi untuk mencapai objektif projek. Jika 'inovasi konsep/idea' digunakan atau dipertandingkan, kumpulan hendaklah mengemukakan penulisan dan surat kebenaran penggunaan 'inovasi konsep/idea' daripada pemiliknya dan mengisytiharkan kepada umum;
- f) Projek yang bakal dipersembahkan **MESTILAH BELUM PERNAH** dipersembahkan dalam Konvensyen KIK atau pertandingan inovasi anjuran UiTM dan/atau organisasi luar, kecuali idea atau konsep inovasi projek yang belum menunjukkan nilai kefungsiannya sebenar projek. Kumpulan KIK hendaklah mengemukakan surat kebenaran penggunaan 'inovasi konsep/idea' tersebut dan memaklumkan penyertaan pertandingan terbabit;
- g) Bagi projek KIK Hibrid, projek inovasi yang bakal dipersembahkan mestilah bukan projek KIK terdahulu daripada organisasi lain;

- h) Projek KIK Hibrid tidak boleh berbentuk perundingan dengan pihak terbabit mendapat bayaran daripada pembangunan projek KIK tersebut;
- i) Dokumen lengkap projek hendaklah muatnaik dalam Portal SPKIK selewat-lewatnya satu (1) minggu sebelum tarikh konvensyen akan diadakan.